




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUAABELAS 2010

**JAWAPAN-JAWAPAN PERT ANY AAN JAWAB LIS
AN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARIRABU: 17 MAC 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.
Sidek/jwp.2010**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK D APAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA 73)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7
SOALAN NO: 25 DIJAWAB SEKALIDENGAN SOALAN NO: 4

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SELASA: 16 MAC 2010 [SIDEK]

NO SOALAN: 8

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARI PAD A

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh)

TARIKH

17 Mac 2010 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan nelayan yang layak mendapat bantuan di bawah skim sara hidup nelayan.

JAWAPAN :

Kriteria yang digunakan untuk menentukan nelayan yang layak mendapat bantuan di bawah Skim Sara Hidup pada kadar RM200.00 sebulan kepada pemilik individu vesel perikanan dan pekerja warga negara Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) Bagi pemilik vesel perikanan atau lesen menangkap ikan yang didaftarkan atas nama individu:

Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan

Malaysia atau Jabatan Laut Sabah atau
Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah;
dan

- ii. Memiliki kad nelayan yang dikeluarkan
oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau kad
eDiesel atau ePetrol yang dikeluarkan oleh
LKIM

(b) Bagi pekerja di atas vesel perikanan:

- i. memiliki kad nelayan yang dikeluarkan oleh
Jabatan Perikanan Malaysia; dan
- ii. didaftar sebagai pekerja vesel oleh pemilik
vesel.

Bagi melaksanakan pembayaran, LKIM telah
menetapkan mekanisme supaya elaun sara hidup
dikreditkan terus kepada akaun individu nelayan
tersebut melalui Bank CIMB, AgroBank, BSN dan
Maybank. Sehingga kini, seramai 52,500 orang nelayan
telah menikmati elaun tersebut sejak ianya
diperkenalkan pada Januari 2008 sehingga kini.

Bermula September 2009, Y.B. Datuk Seri Menteri
Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengarahkan

supaya setiap negeri melaksanakan bayaran elaun sara hidup secara tunai. Ini bertujuan memberi peluang kepada pemimpin dan pegawai Kerajaan berinteraksi secara terus dengan golongan sasar dan sekaligus mengeratkan jalinan hubungan kerjasama bagi memastikan pembangunan subsektor perikanan dapat dijati. Pada masa yang sama, kaedah ini memberi peluang kepada pegawai Kerajaan untuk menjalankan verifikasi mengenai ketulenan nelayan yang menerima elaun.

Sebelum menerima elaun, nelayan-nelayan perlu menghadiri program motivasi yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Program ini dapat membina modal insan di kalangan nelayan dan menerapkan semangat kepada nelayan supaya terus berdaya maju dalam subsektor perikanan.

Secara purata, seramai 6,000 orang nelayan setiap bulan telah menghadiri program motivasi sebelum menerima elaun sara hidup secara tunai. Sepanjang tahun 2008, sebanyak RM68 juta telah dibelanjakan manakala pada tahun 2009 pula adalah sebanyak RM119.7 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	17 MAC 2010 (RABU)
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI AZALINA BINTIDATO' OTHMAN SAID (PENCERANC)

SOALAN :■

**Y.B. DATO¹ SERI AZALINA BINTI DATO¹ OTHMAN SAID (PENCERANG)
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN**

tempatan menyatakan berkenaan bidang kuasa dan tugas yang diberikan kepada Lembaga Perumahan Negara dan sejauh manakah pencapaian yang diperoleh oleh Lembaga Perumahan Negara dalam menangani Isu kekurangan rumah di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Perumahan Negara tidak pernah ditubuhkan. walau bagaimanapun, bagi menangani isu kekurangan rumah di kawasan bandar seperti mana

yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah merangka program dan melaksanakan projek pembinaan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) sama ada untuk disewa atau dimiliki di seluruh negara. Di samping usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan itu, pihak-pihak pemaju swasta juga bertanggungjawab dalam menyediakan rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah di kawasan bandar sebagai usaha menangani isu kekurangan rumah di kawasan bandar.

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mac 2010**

NO: 10

SJ.B/(19)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN MANOGARAN ML MARIMUTHU

(TELOK INTAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2010 Ho ' 10

Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) apakah kawalan Bank Negara terhadap bank-bank yang kenakan pelbagai caj ke atas pengguna yang membebankan pengguna dari segi caj penggunaan ATM, caj/penalty lewat bayar faedah atas pembayaran lewat, tindakan mahkamah, caj/penalty cek dipulang {*penalty for cheques returned*} dan lain-lain; dan**

- (b) adakah benar bahawa Bank Negara lebih mementingkan dan membela bank-bank dan syarikat insurans sehingga rakyat ditindas dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, industri perbankan di Malaysia sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan pelanggan dapat menikmati dan mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan yang terbaik. Walau bagaimanapun, pelaksanaan inisiatif tersebut melibatkan kos kepada institusi perbankan. Bagi menampung kos tersebut, institusi perbankan mengenakan fi dan caj yang berpatutan ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Setiap caj yang dikenakan oleh institusi perbankan untuk produk dan perkhidmatan kewangan kepada individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mestilah berlandaskan Prinsip Panduan Fi dan Caj yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Ini adalah untuk memastikan agar caj yang dikenakan adalah saksama dan tidak membebankan para pengguna. Sekiranya caj yang dikenakan didapati tidak berpatutan dan melanggar Prinsip Panduan tersebut, Bank Negara Malaysia akan mengarahkan institusi perbankan yang terlibat supaya mengurangkan atau menghentikan pengenaan caj terbabit.

2. Bagi meningkatkan tahap ketelusan pasaran, Bank Negara Malaysia juga telah mengarahkan supaya semua institusi perbankan memastikan butiran fi dan caj untuk produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada individu dan PKS dipamerkan di semua cawangan dan laman web masing-masing. Institusi perbankan juga dikehendaki memberi notis kepada pelanggan sekurang-

sebarang terma dan syarat bagi produk dan perkhidmatan kewangan termasuk fi dan caj. Selain daripada itu, Bank Negara Malaysia juga membuat pemantauan melalui pemeriksaan ke atas premis dan laman web institusi perbankan untuk memastikan tahap kepatuhan institusi terhadap Prinsip Panduan Fi dan Caj.

3. Demi memastikan kestabilan kewangan negara, Bank Negara Malaysia sentiasa mengambil kira kepentingan semua pihak termasuk kepentingan pengguna dalam menggubal polisi-polisinya. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah memperhebatkan usaha untuk mempertingkatkan infrastruktur perlindungan pelanggan institusi kewangan dengan menggalakkan amalan pasaran yang adil dan saksama.

NO. AUM : 2

**NO. AUP : **

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH 17 MAC 2010

RUJUKAN 2349

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah strategik dalam memastikan kestabilan keselamatan negara berterusan apatah lagi kini banyak unsur-unsur subversif yang boleh mencetuskan konflik perpaduan antara kaum dalam negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Libaran

yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam menjamin keharmonian kaum, keamanan dan keselamatan negara ini sentiasa terpelihara, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melakukan pemantauan dan risikan ke atas aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mana-mana individu ataupun kumpulan, pertubuhan-pertubuhan haram, kumpulan-kumpulan pendesak dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengeluarkan kenyataan atau mengambil tindakan yang boleh menjelaskan keselamatan negara. Kerajaan sentiasa serius dan tegas mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan negara terhadap segala percakapan dan tindak-tanduk mereka yang terbabit yang boleh mengganggu keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam konteks ini, PDRM akan mengambil langkah-langkah pencegahan yang perlu di peringkat awal supaya dapat membendung perkara yang tidak diingini daripada berlaku. PDRM juga sentiasa memantau sebarang isu, insiden dan perkembangan- perkembangan yang berkaitan dengan keselamatan untuk memastikan keselamatan negara dapat diurus dengan baik.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan program-program yang berunsurkan pendidikan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mampu menerapkan nilai-nilai keselamatan kepada masyarakat di negara ini.

SOALAN NO. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dalam semangat "rakyat didahulukan" apakah Kementerian sedar bahawa Kerajaan Negeri Kedah mempunyai data bank rakyat miskin 'e-Sinar' dan sejauh manakah Kementerian mengguna pakai data bank ini supaya bantuan berganda tidak berlaku di Kedah. Tidakkah lebih efisien jikalau apa-apa bantuan yang akan disalurkan kepada sasaran ini tidak dipolitikkan dan dibuat melalui agensi negeri.

JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha membanteras miskin tegar dan membantu golongan masyarakat yang memerlukan bantuan kebajikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mendapat maklumat dari pelbagai sumber yang antara lain termasuk e-Kasih, e-

Sinar dan Projek CARI. JKM seterusnya akan menjalankan siasatan bagi mengesahkan kelayakan bantuan.

Dalam memproses sesuatu permohonan bantuan termasuk yang terkandung di dalam e-Kasih mahupun e-Sinar, JKM menggunakan sistem pemprosesan secara berpusat yang dikenali sebagai Sistem e-Bantuan. Sehubungan itu, bantuan berganda tidak berlaku walaupun permohonan dibuat melalui ‘e-Sinar’ ataupun sistem-sistem lain. Permohonan-permohonan yang diluluskan pula menggunakan nombor Kad Pengenalan sebagai sistem rujukan dan sehubungan itu isi penerima bantuan berganda dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa penyaluran bantuan kebajikan tidak dipolitikkan. Semua permohonan yang layak akan dipertimbangkan bantuan kebajikan tanpa mengira kaum, fahaman politik mahupun gender. Bantuan kebajikan disalurkan kepada penerima yang layak secara profesional, mengikut peraturan dan prosidur yang ditetapkan.

SOALAN13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]**

**PERTANYAAN 17 MAC LISA 2010
TARIKH N**

SOALAN	Meminta	MENTERI
		PELANCONGAN menyatakan:

apakah perancangan Kementerian bagi membangunkan dan memasarkan produk pelancongan yang menyumbangkan RM53 billon kepada pendapatan negara terutamanya di kawasan Parlimen Silam yang terdapat banyak destinasi pelancongan seperti Pusat Lindungan Hidupan Liar Tabin, Lembah Danum, kesan sejarah peninggalan British, Pulau Sakar dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), Kementerian Pelancongan telah memberi peruntukan berjumlah RM3 juta bagi projek Peningkatan Pelancongan bagi Rezab Kehidupan Liar Tabin iaitu pembinaan semula jalan masuk termasuk jambatan dan sistem perparitan sepanjang 10 kilometer yang telah pun siap pada Januari 2008.

Bagi lain-lain destinasi seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, Kementerian tidak menerima sebarang permohonan atau cadangan daripada kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, Kementerian sedia menimbang sekiranya terdapat permohonan daripada kerajaan Negeri Sabah dan ianya perlu dikaji terlebih dahulu bagi melihat potensi dan kesesuaian kawasan berkaitan sebelum dapat dipromosikan sebagai produk

SOALAN13

pelancongan.

NO -IV

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

[TUMPAT-PAS]

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN NO. 14

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat - PAS] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan oleh Kerajaan sama ada secara langsung atau tidak untuk membiayai pasukan lumba F1 Lotus dan Mercedes.

JAWAPAN:

Untuk makluman, Kerajaan tidak mempunyai sebarang ekuiti atau pelaburan dalam pasukan Formula Satu (F1) Malaysia, Lotus F1 Racing dan Mercedes.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN : /j~

TARIKH

14 April 2010 [Rabu]

DARIPADA

Datuk Haji Baharum bin Mohamed
[Sekijang]

SOALAN :

YB Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkhidmatan Tabung Haji Malaysia kepada Jemaah Haji Malaysia dikatakan salah satu yang terbaik, sejauh manakah kenyataan ini dapat dipertahankan.

JAWAPAN: (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B),

Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai pihak telah mengiktiraf perkhidmatan Lembaga Tabong Haji (*TH*) adalah antara yang terbaik, termasuk Kerajaan Arab Saudi. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh *TH* bagi memastikan perkhidmatannya sentiasa relevan dan diterima baik jemaah haji Malaysia adalah seperti berikut:-

1. memperkemaskan urusan bimbingan jemaah haji supaya mereka dapat melaksanakan ibadah haji dengan betul tanpa sebarang perbuatan yang boleh merosakkan kerja haji itu serta dapat

melahirkan sifat-sifat yang terpuji yang sesuai dengan status mereka sebagai jemaah haji (tetamu Allah);

2. meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada jemaah haji melalui pasukan petugas yang mesra, cekap dan bermaklumat serta kemantapan sistem dan proses kerja yang sentiasa disemak dan dikemaskini;
3. membangunkan keupayaan agensi pelancongan yang dilesenkan sebagai Pengelola Jemaah Haji supaya menjadi sebahagian daripada perkhidmatan pengurusan haji Malaysia yang cemerlang;
4. mendapatkan bangunan penginapan jemaah haji yang memenuhi citarasa jemaah haji Malaysia pada harga yang mampu dibayar melalui usahasama dengan pemaju/ pemilik hartanah yang berwibawa; dan
5. menyelaras perkhidmatan penerbangan haji yang berupaya memenuhi keperluan jemaah haji dan operasi haji.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH 17 MAC 2010

SOALAN 16

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan hasil program Brain Gain Malaysia sejak pelancarannya pada 4 Disember 2006 sehingga kini dan kenapa ianya masih gagal menekan peningkatan fenomena *brain drain* sejak 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Menjelang tahun 2010, Program *Brain Gain Malaysia* (BGM) mensasarkan penyertaan sebanyak 1,000 saintis, penyelidik dan *inovator* warganegara Malaysia / asing di dalam dan luar negara untuk menyumbang kepada pembangunan negara melalui jaringan saintis, dengan izin, *scientist network*. Hasil Program *Brain Gain Malaysia* sejak pelancarannya pada 4 Disember 2006 sehingga 28 Februari 2010 adalah memberansangkan. Seramai 1,068

saintis, penyelidik dan inovator telah menyertai dan memberi sumbangan melalui program tersebut. Dari jumlah ini, sebanyak 96 kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta pengkomersilan di antara IPT / IP, industri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan dengan rakan-rakan institusi dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Jerman, Korea, New Zealand, Kanada, India, Australia dan lain-lain negara telah berjaya dilaksanakan.

Melalui program ini juga, sebanyak 44 penerbitan, 32 pemindahan pengetahuan dan teknologi, 13 penerokaan saintifik, dan 13 harta intelek baru telah dihasilkan. Program ini juga telah berjaya dimanfaatkan oleh seramai 3,985 orang melalui kolaborasi-kolaborasi yang dijalankan. Selain itu, seramai 155 orang saintis dan penyelidik telah dilatih dan mendapat manfaat melalui program ini.

Fenomena *brain drain* adalah disebabkan oleh faktor-faktor penolakan dengan izin *push factors* merangkumi politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundungan dan pendidikan. Faktor-faktor penolakan tersebut tidak dapat ditangani oleh Program *Brain Gain* sahaja. Kerajaan telah mengubal dan telah melaksanakan beberapa dasar, strategi dan program untuk mengurangkan fenomena *Brain Drain* seperti Gagasan 1 Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Model Ekonomi Baru, 6 Bidang Keberhasilan Utama (NKRA), penambahbaikan skim-skim perkhidmatan bagi Saintis, Penyelidik, Doktor, Doktor Gigi, Farmasi dan sebagainya.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

TARIKH
SOALAN

LIS AN DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN) 17
MAC 2010 (RABU)
DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:

Rancangan Kementeriannya agar negara kita tidak lagi perlu bergantung dengan mengimport beras dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tahap Sara Diri (SSL) dalam pengeluaran beras di Malaysia pada masa ini adalah masih pada tahap 70% dan memerlukan negara mengimport 30% keperluan beras bagi menampung ketidakcukupan tersebut. Tahap SSL ini dijangka akan meningkat sehingga 72% menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) nanti.

Kerajaan telah mengenal pasti dua strategi dalam usaha untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL), di mana peningkatan dalam pengeluaran dan produktiviti dalam industri penanaman padi dengan membangun dan menambahkan kawasan jelapang

padi negara. Projek jelapang padi ini sangat penting dan juga perlu dilakukan demi keselamatan dan jaminan bekalan makanan negara.

Strategi yang pertama adalah melibatkan perancangan jangka sederhana untuk meningkatkan pengeluaran beras negara, di mana melibatkan aktiviti-aktiviti seperti pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur saliran dan pengairan, tahap pertanian (*farm levelling*), racun perosak, baja dan jentera.

Manakala rancangan jangka panjang, perlu melibatkan pengenalan teknologi baru, pembangunan infrastruktur, amalan-amalan pengurusan yang baik dan pengurusan sumber manusia.

Strategi yang kedua pula melibatkan perluasan kawasan penanaman padi sedia ada. Pada masa ini keluasan kawasan tanaman padi di Semenanjung adalah 320,931 hektar manakala 58,353 hektar di Sarawak dan 22,460 hektar di Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG

TARIKH: 17 MAR 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) sejauh manakah pihak Kerajaan bersetuju dengan kenyataan ahli Pemudah, Dato' Pardip Kumar Kukreja mengatakan bahawa setiap hari hampir 500 orang dari golongan berpendapatan tinggi berhijrah ke luar negeri; dan
- (b) sama ada Kerajaan gagal mengatasi kadar pengangguran pada tahap yang serius iaitu pada 3.6% suku ke-3 2009.

PR 1231 L35269
SOALAN NO: 18

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan menyedari bahawa terdapat ramai rakyat Malaysia yang berpindah ke luar negara setiap tahun. Mereka berpindah ke luar negara atas pelbagai sebab, antaranya untuk menyambung pelajaran, mencari pekerjaan atau mengikut keluarga. Data daripada Kementerian Luar Negeri menunjukkan antara bulan Mac 2008 hingga Ogos 2009, terdapat seramai 304,358 rakyat Malaysia yang berpindah ke luar negara. Namun daripada jumlah ini tiada data mengenai tahap kemahiran atau jumlah pendapatan yang direkodkan. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya kebanyakan rakyat Malaysia yang mampun menghantar anak melanjutkan pelajaran di luar negara atau berpindah kerana mencari pekerjaan yang lebih lumayan gajinya adalah dikalangan mereka yang berpendapatan tinggi atau mempunyai kemahiran tertentu.

Negara Singapura merupakan negara yang menjadi pilihan utama rakyat Malaysia atas pelbagai faktor seperti yang berdekatan dan gaji yang lebih tinggi. Berdasarkan data daripada Kedutaan Malaysia di Singapura, bilangan rakyat Malaysia yang berpindah ke negara itu pada tahun 2009 berjumlah antara 373 hingga 514 setiap bulan. Walau bagaimanapun, KSM tiada data rakyat Malaysia yang berpindah ke negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Pada awal tahun 2009, kadar pengangguran negara adalah 4.0% dan menurun kepada 3.6% pada suku tahun ke-3 dan seterusnya kadar pengangguran negara terus menurun kepada 3.4% pada Disember 2009. Kadar ini menggambarkan keadaan pengangguran yang terkawal dan masih di bawah guna tenaga penuh sebagaimana yang ditakrifkan oleh *International Labour Organization* (ILO). Berbanding dengan

negara-negara lain, kadar pengangguran di negara-negara seperti di Australia sebanyak 5.5% pada Disember 2009, Indonesia 8.25% pada Julai 2009 dan USA 8.6% pada Mac 2009. Angka ini jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar pengangguran di Malaysia. Ini menunjukkan Kerajaan telah berjaya menangani krisis ekonomi global dengan cepat melalui pelan tindakan ekonomi khususnya Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

SMac-ISApriC 10)//ias...2.3.10/C/iua 'Eati Chang/L35269

NO. AUM : 22

NO. AUP : i*1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA	LISA N
	DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]
TARIKH	17 MAC 2010
RUJUKAN	2352

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perkembangan siasatan ke atas kejadian serangan terhadap gereja dan masjid baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang pada 29 Mac 2010 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, ingin saya nyatakan tiada serangan ke atas masjid dan gereja, tetapi kejadian yang berlaku adalah perbuatan khianat menggunakan api. Kes di siasat di bawah Seksyen 436 Kanun Keseksaan iaitu perbuatan khianat dengan api. Setakat ini, sebanyak 2 kes perbuatan membakar surau dan 4 kes perbuatan membakar gereja telah berjaya di selesaikan oleh pihak polis.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kes membakar surau, seramai 3 orang telah dihadapkan di mahkamah dan bagi kes membakar gereja pula, seramai 6 orang dihadapkan di mahkamah. Kedua-dua kes tersebut masih dalam perbicaraan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk mengelakkan kejadian daripada berulang, pihak polis telah mengambil tindakan tegas antaranya ialah:

- i) Semua laporan polis yang dibuat disiasat dengan terperinci;
- ii) Suspek-suspek yang terlibat dan mempunyai cukup keterangan telah pun didakwa;
- iii) Semua Ibu Pejabat Polis Daerah dan balai diarah membuat pemantauan yang rapi ke atas surau dan gereja di seluruh negara; dan
- iv) Menempatkan anggota-anggota di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya perbuatan khianat bagi mengelakkan kejadian yang tidak di ingini berlaku.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
[HULU SELANGOR]**

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

**Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN**

SOALAN NO: 21

menyatakan sama ada Panel Khas bagi memantau kandungan program di televisyen dan radio telah diwujudkan dan siapakah yang terlibat dalam panel khas tersebut. Apakah kayu ukur bagi menentukan bahawa sesebuah program itu berfaedah kepada masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memantau kandungan siaran di stesen TV milik Kerajaan, terdapat 2 Jawatankuasa Penilaian Kandungan Rancangan TV. Jawatankuasa ini membuat penilaian kandungan dan kualiti program berdasarkan

Garis Panduan Siaran TV oleh RTM. Bagi stesen radio RTM pula, Jawatankuasa Penilaian Lagu bertanggung jawab membuat penilaian ke atas lagu-lagu yang akan disiarkan berdasarkan Garis Panduan Siaran Radio.

Manakala bagi stesen-stesen swasta yang dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), syarat- syarat khas lesen menetapkan pematuhan kepada Kod Kandungan yang dibangunkan bersama oleh Forum Kandungan dan Multimedia Malaysia dan SKMM.

Selain itu, Garis Panduan Penapisan Filem oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF), Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Menyentuh Seni dan Budaya oleh KPKK dan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam oleh JAKIM juga turut dirujuk oleh semua stesen radio dan televisyen.

Aduan orang ramai merupakan kayu ukur kepada Kementerian ini dalam memastikan sesuatu program yang disiarkan adalah berkesan atau sebaliknya. Pihak Kementerian sentiasa memastikan supaya tindakan diambil ke atas setiap aduan yang dikemukakan oleh penonton dan jika bersesuaian, langkah memperkemaskan garis panduan segera diambil bagi mengelakkan aduan yang sama berulang di masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG

(SIMPANG RENGGAM)

TARIKH 17.03.2010 (RABU)
NO SOALAN 21

TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah royalti yang dikutip oleh PPM pada tahun 2009 dan senaraikan 10 syarikat yang banyak menerima daripada royalti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman semua, terdapat tiga badan pemungut royalti hakcipta di Malaysia, iaitu:-

- i. **Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM), royalti bagi syarikat rakaman;**
- ii. **Music Author's Copyright Protection Berhad (MACP), royalti bagi penulis lirik, pengubah dan syarikat penerbit lagu dan muzik; dan**
- iii. **Performers and Artistes Rights (M) Sdn. Bhd. (PRISM), royalti bagi pelaku (performers) persembahan dan penyiaran awam.**

Bagi tahun 2009, jumlah royalti yang dikutip oleh PPM adalah sebanyak RM31,313,000. Memandangkan pengagihan royalti bagi tahun 2009 hanya akan dijalankan pada akhir tahun ini iaitu selepas pengauditan dilakukan, maka senarai 10 syarikat yang paling banyak menerima royalti masih belum diperolehi oleh pihak Kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

**PERTANYAA
N DARI PADA**

**LISAN
Y.B. DR TAN SENG
GIAW**

KAWASAN

KEPONG

TARIKH

17.03.2010 (RABU)

NO. SOALAN

Y.B. DR TAN SENG GIAW minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan keadaan dan pertumbuhan ekonomi negara terkini berbanding dengan negara-negara serantau. Apakah Foreign Direct Investment (FDI) yang sebenarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Menurut World Economic Outlook bertarikh 26 Januari 2010 yang dikeluarkan oleh International Monetary Fund (IMF) dengan izin, pertumbuhan ekonomi bagi negara- negara membangun di Asia akan meningkat 8.4 peratus pada tahun 2010 berbanding 6.5 peratus pada tahun 2009. Negara China adalah pendorong bagi

pertumbuhan global iaitu dengan pertumbuhan sebanyak 10.0 peratus tahun ini, berbanding 9.0 peratus pada tahun 2009. Negara-negara Asia Tenggara iaitu Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand dijangkakan akan mengalami pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus pada 2010. Ekonomi Malaysia pula mungkin mencapai pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus pada tahun 2010.

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh UNCTAD bertajuk Global Investment Trends Monitor 2009 dengan izin, FDI menunjukkan trend menurun secara global, iaitu penurunan sebanyak 39 peratus dari USD1.7 trillion pada tahun 2008 kepada USD1.0 trillion pada tahun 2009. Kemasukan FDI secara keseluruhannya dijangka akan mula pulih kepada USD1.4 trillion pada tahun 2010 dan meningkat kepada USD1.8 trillion pada tahun 2011.

Menurut laporan tersebut , negara-negara lain di rantau Asia turut mengalami penurunan dalam jumlah kemasukan FDI pada tahun 2009 ekoran krisis kewangan dan ekonomi dunia yang melanda. Sebagai contoh, Singapura dan Thailand telah menunjukkan penurunan

kemasukan FDI pada tahun 2009 sebanyak 19.5 peratus dan 54.3 peratus masing-masing. Kemasukan FDI ke Malaysia pada tahun 2009 juga telah mencatat penurunan sebanyak 66.6 peratus kepada USD2.7 bilion berbanding USD8.1 bilion pada tahun sebelumnya.

Tuan Yang diPertua,

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mengumpulkan data pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan di Malaysia. Data FDI yang diluluskan oleh MIDA merupakan pelaburan vanq diterima dan diluluskan dalam sektor perkilangan daripada syarikat luar negara.

Bagi tahun 2009, walaupun susana ekonomi dan kewangan global mengalami keiatuhan, jumlah pelaburan yang telah diluluskan di dalam sektor perkilangan di Malaysia adalah bernilai RM32.6 bilion di dalam 766 projek. Angka ini adalah RM5.1 bilion atau 18.5 peratus lebih tinggi daripada sasaran tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Sebilangan besar kelulusan merupakan sumbangan pelaburan

asing

berjumlah RM22.1 bilion atau 67.8 peratus daripada pelaburan yang diluluskan. Malaysia juga menumpu kepada menarik FDI berkualiti yang berintensifkan modal, berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH 17 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan bulanan rakyat Malaysia mengikut bangsa termasuk Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Penan, Kadazan, Serani dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik berkenaan pendapatan isi rumah diperoleh melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Mengikut perangkaan daripada HIS

NO. SOALAN: 23

2008, pendapatan purata bulanan isi rumah mengikut pecahan kaum menunjukkan kaum Cina mempunyai pendapatan tertinggi, iaitu sebanyak RM4,823 sebulan, diikuti oleh kaum India sebanyak RM3.739 dan Melayu sebanyak RM3,541 sebulan.

Manakala bagi kaum-kaum lain seperti Orang Asli, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Penan, Kadazan dan Lain-lain Kaum menunjukkan pendapatan purata bulanan bagi isi rumah tersebut adalah di dalam lingkungan RM1.000 hingga RM3,000 sebulan. Perincian pendapatan purata bulanan bagi kaum-kaum tersebut ialah RM1.442 untuk Orang Asli, RM2,595 untuk Iban, RM3,069 bagi Bidayuh dan RM2,766 bagi lain-lain Bumiputera.

MAR-17-2010 12:20PM FROM-

T-499 P. 009/013 F-414

SJ.B/(17)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT DARIPADA : DATUK MD, SIRAT BIN ABU
(BUKIT KATIL)

- PERTANYAAN: LISAN
TARIKH 17.03.2010

QwU" **« ' T
X

Datuk Mitr:' Sirat Bin Abu (Bukit Katil) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berikut penarikan subsidi beberapa harga barang kawalan telah menyebabkan kenaikan harga barang tertentu di pasaran. Berapakah penjimatan yang dapat dihasilkan dari penarikan subsidi tersebut dan ke manakah penjimatan tersebut dibelanjakan?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Bukit Katil, barang kawalan yang diberi subsidi ialah gula, tepung gandum kegunaan am, roti putih, minyak masak dan beras ST15. Subsidi ini mula diberikan mulai tahun 2008 dan 2009 semasa berlaku krisjs makanan yang menyebabkan harga barang asas ini telah meningkat Semua subsidi masih diteruskan pada tahun 2010 kecuali roti putih. Penjimatan daripada penarikan baiik subsidi roti putih dianggarkan sebanyak RM89 juta. Penjimatan ini akan digunakan untuk keperluan peningkatan subsidi barang kawalan lain dan perbelanjaan lain yang lebih mendesak terutama bantuan-bantuan kepada golongan miskin tegar.

SOALAN NO: 26

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Puan Teo Nie Ching 17 Mac 2010

**TARIKH Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI AS AS TANI menyatakan:-**

SOALAN

Peranan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen dan nama Pengurus Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen Serdang. Jumlah peruntukan yang disediakan untuk majlis tersebut dan program-program yang telah dilancarkan.

JAWAPAN

Oleh Y.B Menteri Pertanian dan Industri
Asas Tani

Tuan Yang Dipertua

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menubuhkan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) di 222 kawasan Parlimen di seluruh negara setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri pada 29

April 2009. Peranan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen ini adalah untuk:

- i) Menyelaras pembangunan dan pelaksanaan projek pertanian;
- ii) Membantu dan memastikan pelaksanaan projek selari dengan perancangan bagi mencapai sasaran;
- iii) Memastikan tidak ada pertindihan dalam pelaksanaan projek dan tiada penyelewengan dalam pemberian bantuan; dan
- iv) Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah dan isu.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia telah melantik Y. Bhg. Datuk Hj. Mohd Fathil Bin Daud sebagai Pengurus MPPP Serdang pada 3 Ogos 2009. Bagi tahun 2009 dan 2010, peruntukan tahunan sebanyak RM100 ribu telah disediakan untuk melaksanakan projek-projek kecil pertanian di kawasan parlimen yang berkenaan. Sebahagian permohonan projek-projek kecil pertanian yang bersesuaian bagi golongan sasar di kawasan parlimen telah diluluskan dan akan dilaksanakan pada tahun 2010 ini.

Sehingga kini, Kementerian telah menerima 95 permohonan projek-projek kecil pertanian manakala baki 127 masih belum mengemukakan permohonan. Daripada 95 permohonan, 58 permohonan telah pun diluluskan manakala baki 37 permohonan masih dalam pertimbangan.

NO. AUM : 6

NO. AUP : O?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH 17 MAC 2010

RUJUKAN 2350

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah pihak Kerajaan tidak menggunakan media baru dan iklan TV hasil karya generasi muda yang kreatif untuk menarik minat golongan muda menganggotai pasukan keselamatan negara memandangkan cara ini ada digunakan oleh negara seperti Britain dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibuti

MAKLUMAT TAMBAHAN

yang telah mengemukakan Soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya PDRM telah turut menggunakan media baru sebagai medium untuk mengiklankan kekosongan jawatan PDRM kepada masyarakat khususnya golongan muda. Iklan kekosongan di siarkan melalui Internet iaitu laman sesawang rasmi PDRM. Pada masa hadapan, PDRM akan mempertimbangkan untuk memperluaskan kaedah pengiklanan dan promosi melalui medium media baru yang lain mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Promosi mengenai kerjaya sebagai pegawai dan anggota PDRM turut dilakukan melalui program TV seperti drama bersiri Gerak Khas di TV 2 dan program khas 999 di TV 3. Melalui kedua-dua program tersebut, secara tidak langsung dapat menarik minat golongan muda untuk menyertai pasukan PDRM.

Definisi Media Barn

Definisi media baru Menurut Everett M Rogers (1991) teknologi komunikasi baru atau media baru ialah komputer mikro, telekonferens, teleteks, videoteks, televisyen interaktif dan satelit.

Proses Pengambilan Dalam PDRM

1. PDRM akan menyiarkan kekosongan jawatan beruniform di dalam akhbar semua bahasa iaitu:
 - i. New Straits Times

- ii. Berita Minggu/Berita Harian
 - iii. Harian metro/Metro Ahad
 - iv. Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia
 - v. Sin Chew Daily
 - vi. China Press/Nanyang Siang Pau
 - vii. Malaysia Nanban
 - viii. Tamil nesan
 - ix. Maikkal Osai
 - x. Borneo Post untuk edisi Sabah/Sarawak
 - xi. Utusan Borneo
 - xii. See Hua Daily
2. Mengambil langkah dengan membuat hebahan melalui RTM, TV3 (melalui rancangan 999 dan Malaysia Hari Ini), radio negeri/daerah dan radio swasta.

Mengeluarkan arahan kepada semua Ketua Polis negeri dan ketua Polis Daerah supaya menghubungi Ahli- Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua- Ketua masyarakat Tempatan untuk mendapatkan bantuan mereka untuk membuat penerangan dan hebahan bagi mempelawa calon- calon yang berkelayakan dari pelbagai kaum etnik untuk memohon jawatan yang diiklankan. Arahan ini telah dikeluarkan dan diulangi setiap kali iklan pengambilan PDRM disiarkan di akhbar-akhbar tempatan.

Bagi memastikan hebahan yang dibuat seluas-luasnya, PDRM juga menyiarkan iklan pengambilan PDRM di dalam laman Web PDRM dari semasa ke semasa. Pegawai dari Jabatan Pengurusan Bukit Aman juga akan memberi maklumat tentang kekosongan jawatan melalui rancangan- rancangan di TV seperti Selamat Pagi Malaysia TV1 dan 999 di TV3.

STATISTIK PERMOHONAN BAGI JAWATAN KONSTABEL

TAHUN 2009

BIL	KAUM	PERMOHONAN (INDIVIDU) 2009	PANGGIL TEMUDUGA 2009	% PANGGIL TEMUDUG A 2009	HADIR TEMUDUGA 2009	% TEMUDUGA 2009	HADIR LANTIK 2009	JUMLAH LANTIK 2009	% LANTIK/ PERMOHON AN 2009
1.	MELAYU	28,490	22,270	78.17%	19,483	87.48%	4,922	17.27%	
2.	CINA	317	267	84.23%	226	84.64%	38	11.98%	
3.	INDIA	968	608	62.81%	529	87%	142	14.66%	
4.	BAJAU	742	315	42.45%	286	90.79%	76	10.24%	
5.	BALANGING	15	7	46.66%	5	71.42%	1	6.66%	
6.	BEKETAN	15	4	26.66%	3	75%	1	6.66%	
7.	BIDAYUH	845	415	49.11%	376	90.60%	68	8.05%	
8.	BISAYA	75	65	86.66%	61	93.84%	17	22.66%	
9.	BUGIS	85	81	95.29%	71	87.65%	11	12.94%	
10.	BULONGAN	26	23	88.46%	15	65.21%	5	19.23%	
11.	DUSUN	644	189	29.34%	181	95.76%	23	3.57%	
12.	IBAN	3,210	1,415	44.08%	1,310	92.57%	267	8.31%	
13.	KADAZAN	963	421	43.71%	398	94.53%	39	4.04%	
14.	MELANAU	746	415	55.63%	357	86.02%	39	5.22%	
15.	MURUT	577	215	37.24%	113	52.55%	15	2.59%	
16.	DAYAK	386	175	45.33%	137	78.28%	25	6.47%	
17.	SINO KADAZAN	708	105	14.83%	93	88.57%	18	2.54%	
18.	LAIN-LAIN								
	Portugis	11	-	-	-	-	-	-	
	Philipine	22	-	-	-	-	-	-	
	Indonesia	50	19	38%	16	84.21%	7	14%	
	Siam	45	19	42.22%	16	84.21%	2	4.44%	
	Pakistan	35	11	31.42%	10	90.9%	3	8.57%	
	Brunei	45	14	31.11%	14	100%	3	6.66%	
	Arab	19	-	-	-	-	-	-	
	JUMLAH	39,038	27,053		23,700		5,722		

NO.AUM : 18

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LiSAN

**DARIPADA PUAN SITIZAILAH BT. MOHD
 YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH 17 MAC 2010

RUJUKAN 2582

SOALAN:

Puan Siti Zailah Bt. Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf kadar elaun saksi supaya lebih kompetitif bagi menggalakkan orang ramai bekerjasama untuk menyelesaikan kes yang melibatkan saksi dalam perbicaraan mahkamah.

/

* r*

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Panjang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah mengemukakan cadangan berhubung kadar baru elauan saksi dalam kes jenayah kepada pihak Jabatan Peguam Negara. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat kajian dan semakan jabatan berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
[BATU SAPI]

TARIKH : 17 MAC 2010

SOALAN :

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan peratusan penyediaan kemudahan perkhidmatan pergigian di sekolah-sekolah rendah di Sabah. Berapakah klinik-klinik pergigian yang terdapat di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan kesihatan pergigian sekolah yang bersifat membawa perkhidmatan kepada masyarakat (*outreach service*) telah banyak memberi faedah kepada penduduk di luar bandar dan pendalaman. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah diberikan melalui Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah dan di Klinik Pergigian sekolah. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah disampaikan secara sistematik dan komprehensif untuk mencapai taraf kesihatan pergigian murid-murid sekolah yang optima (*Orally fit*).

- i) Pada tahun 2009, peratus sekolah rendah di Negeri Sabah yang menerima rawatan kesihatan pergigian adalah 89.5% (950 dari 1061 sekolah rendah) Bilangan dan peratus murid sekolah rendah yang menerima perkhidmatan kesihatan pergigian adalah 255,164 dari 269,911 (94.5%).

Pencapaian Perkhidmatan Pergigian sekolah rendah di Negeri Sabah

Bilangan sekolah	Enrolmen	Murid dirawat	Peratus murid dirawat
1061	269,911	255,164	94.5%

Klinik Pergigian sekolah merupakan fasiliti kesihatan pergigian yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia untuk sekolah-sekolah yang mempunyai enrolmen yang besar dan melebihi 1000 murid sekolah

- ii) Di Negeri Sabah jumlah klinik pergigian sekolah adalah seperti berikut:
- Klinik Pergigian Sekolah rendah : 100 buah
 - Klinik Pergigian Sekolah Menengah: 8 buah
- PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN KOK WAI
	(CHERAS)
TARIKH	17.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK ,WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah baru untuk SMK, SK, SJKC dan SJKT yang telah dirancang dan disiapkan dalam tahun 2008 dan 2009 di seluruh negara dan jumlah peruntukan pembangunan bagi setiap sekolah aliran bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap pembangunan pendidikan termasuklah dalam pembangunan infrastruktur. Justeru, tiada dasar diskriminasi diamalkan terhadap mana-mana kategori sekolah, sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. KPM berusaha memenuhi keperluan semua murid dalam mengakses pendidikan yang lebih berkualiti.

Soalan No : <3\$

Bagi SMK sebanyak 104 buah telah dirancang dengan peruntukan sebanyak RM 1.6 billion. Dari jumlah ini, sebanyak 74 buah projek yang telah siap dibina dengan kos sebanyak RM 1.1386 billion. Bagi projek SK pula, sebanyak 18 projek dirancang pada tahun 2008 dengan kos sebanyak RM 344.5 juta dan 11 buah projek telah siap dibina dalam tahun 2009. Manakala pada tahun 2009, sebanyak 41 buah dengan kos RM 698.1 juta telah dirancang, dan sebanyak 39 buah projek telah siap.

Bagi SJKC (sekolah kerajaan) baru pula, sebanyak 2 buah telah dirancang dan dibina dengan kos RM38.813 juta dan dijangka siap pada tahun 2010. Bagi SJKT (sekolah kerajaan) sebuah projek dengan kos RM14.45 juta telah dirancang dan dibina serta dijangka siap pada tahun 2010.

Bagi sekolah SJKC dan SJKT (bantuan kerajaan) pula, tiada projek baru yang dirancang dan dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 setiap jenis sekolah tersebut diluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta meliputi pembinaan blok tambahan dan kos penyelenggaraan sekolah. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2, sebanyak RM50 juta diluluskan bagi SJKT dan RM95 juta diluluskan untuk SJKC.

Rjm 06

NO. AUM : 30

NO.AUP : 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH 17 MAC 2010

RUJUKAN 2353

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kementerian setakat ini berhubung cadangan menggantikan pengawal keselamatan rakyat asing kepada anggota RELA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara komitmen Kementerian untuk menggantikan penggunaan pengawal keselamatan warganegara Nepal kepada anggota RELA adalah seperti berikut:

- i. mengadakan Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) pada 27 Januari 2010 bagi melaksanakan pengambilan anggota RELA sebagai pengawal keselamatan;
- ii. mengeluarkan pekeliling sebagai garis panduan / tatacara pengambilan anggota RELA sebagai pengawal keselamatan seperti berikut:
 - a. Pekeliling Ikatan Pertubuhan Relawan Malaysia (IPRM) Bilangan 01/2010 - Garis Panduan Pengambilan Ahli-ahli Ikatan Relawan Rakyat (RELA) sebagai pengawal keselamatan pada 20 Januari 2010. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan Pengarah-Pengarah RELA Negeri dan Daerah mengenai prosedur pelaksanaan pengambilan anggota RELA

- sebagai pengawal keselamatan; dan
- b. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 2 Tahun 2010 oleh Kementerian Dalam Dalam Negeri pada 27 Januari 2010. Antara perkara yang digariskan dalam pekeliling tersebut adalah seperti berikut:
- i. prosedur pengambilan ahli-ahli RELA;
 - ii. gaji dan Imbuhan;
 - iii. latihan;
 - iv. pakaian seragam;
 - v. penggunaan senjataapi;
 - vi. tempoh perkhidmatan; dan
 - vii. peranan dan tanggungjawab.

membuat hebahan kepada semua anggota RELA menerusi Pejabat RELA Negeri dan Daerah mengenai peluang kerjaya sebagai pengawal keselamatan;

Akh 3 %

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN [32]

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian dan penjelasan Kerajaan dalam isu petisyen lebih 50 orang Ahli Parlimen dan Senator Negara Australia yang menggesa Kerajaan serta Jabatan Peguam Negara menggugurkan dakwaan terhadap Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULONG]**

TARIKH

1 APRIL 2010



SOALAN

**YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULONG] minta MENTERI LUAR NEGERI**

D menyatakan tindakan yang diambil terhadap campur tangan Ahli Parlimen Australia terhadap keutuhan Sistem perundangan negara ini dan apakah langkah yang telah diambil untuk menjelaskan kes perbicaraan Ketua Pembangkang **E** kepada ahli-ahli Parlimen tersebut.

W

A

N

PERT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

N

RAKYAT MALAYSIA

ANYAAN :
JAWAB LISAN

DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH
15 APRIL 2010

SOALAN **YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]**

D minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan berikutan memorandum yang ditandatangani oleh lebih daripada 50 orang Ahli Parlimen Australia yang menggesa tuduhan jahat dan konspirasi politik terhadap YB Dato' Seri Anwar Ibrahim digugurkan.

E

W

A

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Taiping bertarikh 17 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulung bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Gombak bertarikh 15 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sedia maklum bahawa perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim seperti perbicaraan beliau sebelum ini akan menarik perhatian pelbagai pihak sama ada di dalam atau di luar negara. Oleh yang demikian, reaksi dari sekumpulan Ahli Parlimen Australia dalam perkara ini bukanlah satu perkara di luar jangkaan. Oleh yang demikian, kerajaan bertanggungjawab memberi penjelasan sewajarnya kepada mereka bagi mempertahankan kedaulatan negara dan keluhuran undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah menemui ahli Parlimen yang berkenaan untuk memberi penjelasan kepada beliau mengenai fakta-fakta sebenar tentang kes mahkamah Dato' Seri Anwar Ibrahim.
Seperti kita maklum, ahli parlimen tersebut dilaporkan telah menyentuh perkara ini dalam ucapan beliau di Parlimen Australia.

4. Sebagai tindakan selanjutnya, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah juga menulis surat kepada 50 ahli parlimen yang tersenarai dalam surat yang diutuskan kepada beliau bagi memperjelaskan kedudukan sebenar berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

5. Selain daripada itu, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh Menteri Luar Negeri pada 12 Februari 2010 untuk menyangkal dakwaan ahli Parlimen Australia dan menasihati mereka supaya menghormati keluhuran undang-undang Malaysia yang mengutamakan keadilan dan hak rakyat tanpa mengira pangkat dan darjah.

6. Harus dijelaskan bahawa pandangan yang disampaikan oleh beberapa Ahli Parlimen Australia tidak mewakili atau mencerminkan pendirian Kerajaan Australia yang sememangnya tidak ingin campur tangan dalam hal-ehwal dalaman di Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia dan semua Perwakilan Malaysia di luar negeri akan terus memantau perkembangan laporan dan pandangan berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akan memberikan penjelasan di mana timbul keperluan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

NO. SOALAN: 23

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	17 MAC 2010 [Rabu]
DARIPADA	Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]

SOALAN:

YB Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah matlamat utama penubuhan Lembaga Tabung Haji (LTH) dan apakah misi dan visinya.

JAWAPAN: (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji telah ditubuhkan pada 30 September 1963 dengan dikenali sebagai Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji. Penubuhan ini adalah hasil gagasan fikiran Prof. Di Raja Ungku Aziz untuk menjadi badan alternatif kepada umat Islam Malaysia untuk menyimpan wang sambil melabur secara halal dan mengikut lunas-lunas Islam dan juga menguruskan pemergian jemaah haji ke Tanah Suci.

Bertepatan dengan konsep Islam sebagai "Addeen", setiap ibadah yang difardhukan oleh Allah s.w.t memberi manfaat dunia dan akhirat. Atas iktikad mengerjakan haji, umat Islam terdorong mengumpulkan wang bagi membolehkan mereka berkemampuan memenuhi perbelanjaan ke Tanah Suci. Bagi mengelakkan unsur riba' yang haram di sisi Islam, berbagai kaedah tradisional menyimpan wang diamalkan. Ada juga yang menjual ternakan dan harta benda warisan bagi mencukupkan perbelanjaan ke Tanah

Suci, yang mana akhirnya mengakibatkan tekanan ekonomi ke atas diri sendiri dan keluarga, semasa dan sekembalinya mereka dari menunaikan fardhu haji. Amalan ini juga secara tidak langsung turut merosakkan struktur ekonomi luar bandar serta mengancam pertumbuhan ekonomi.

Lembaga Tabung Haji adalah sebuah organisasi Islam yang dinamik dan prihatin dalam pengurusan dan pengendalian haji yang sempurna serta berhemat dalam penggembelengan segala sumber untuk pengukuhan ekonomi ummah. Lembaga Tabung Haji beriltizam melaksana dan mencapai wawasan ini dengan bermatlamatkan memberi perkhidmatan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menunaikan fardhu haji dan memberi keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit atas wang simpanan mereka.

Melalui matlamat yang jelas ini, Lembaga Tabung Haji telah beriltizam untuk merealisasikan visinya iaitu menjadi tunggak kejayaan ekonomi ummah dan pengurusan haji terbilang. Bagi mencapai maksud visi ini, Lembaga Tabung Haji telah menetapkan misi yang tersendiri iaitu memperkasakan ekonomi ummah, sentiasa giat mencari pelaburan strategik global dan lokal bagi pertumbuhan berterusan, menggembeng

dan memperkaya modal pendeposit, memberikan perkhidmatan cemerlang yang berterusan, memudahkan dan menyempurnakan urusan jemaah ke arah haji mabrur dan memberikan pulangan yang kompetitif, halal dan toyyiban.

Sekian, terima kasih

SOALAN (34)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	17 MAC 2010 (RABU)
DARIPADA	Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN** kerajaan tempatan menyatakan tahap pencemaran dan keselamatan penduduk di sekitar tapak pelupusan sampah Bukit Bakri sejak tahun 1990. Apakah piawaian yang digunakan dan bentuk kerja penerangan kepada penduduk tempatan apabila sesebuah tapak pelupusan sampah dirancang di Pagoh serta nyatakan bentuk pampasan yang mungkin boleh dituntut oleh mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak pelupusan Sisa Pepejal Bukit Bakri adalah sebuah Tapak pelupusan bukan sanitari.

Oleh yang demikian, ia didapati telah mencemarkan

alam sekitar dan mengganggu keselesaan penduduk persekitaran. Bagi mengatasi masalah ini, Tapak pelupusan Bukit Bakri akan dinaik taraf sebagai langkah interim sementara menunggu Tapak pelupusan Sanitari baru di Bukit Pagoh siap dibina dalam tempoh 2-3 tahun lagi.

Dalam membina sebuah tapak pelupusan sanitari, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggunakan garis panduan " *Technical Guideline For Sanitary Landfill, Design and Operation*" yang dikeluarkan oleh jica (*Japan international cooperation Agency*). Garis panduan bagi pembinaan ini menepati piawaian antarabangsa di mana lapisan (liner) diletak untuk mengatasi masalah aliran keluar leachate, sistem pengumpulan gas dibina. Bagi menangani pencemaran leachate, loji rawatan leachate juga dibina bagi merawat leachate sebelum dilepaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kajian Alam sekitar Terperinci (DEIA) juga diperlukan sebagai langkah-langkah awal perancangan. Ia meliputi komponen yang melibatkan

pandangan orang ramai diambil kira (public participant). Tiada bentuk pampasan yang boleh dituntut oleh penduduk kecuali jika tanah mereka terlibat dalam pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal berkenaan.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2010

NO. SOALAN:35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] 17 MAC 2010

TARIKH

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah bilangan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang akan ditawarkan untuk tahun 2010, jumlah peruntukan untuk maksud tersebut, peratusan pengagihan untuk setiap kaum serta kriteria yang diguna pakai untuk oemilihan oenerima biasiswa.

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ NO. SOALAN:35

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

**Y.A.B. Perdana Menteri akan membuat pengumuman mengenai
biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2010 dalam masa
terdekat.**

Sekian. Terimakasih.

Mt)~. 3 €

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI 17**
TARIKH **MAC 2010 (RABU)**
SOALAN **N0.36**
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah tunggakan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga akhir 2009 dan nyatakan langkah bagi memastikan semula pinjaman dapat dikutip supaya dana yang mencukupi dapat disediakan setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluma Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2009, jumlah pinjaman PTPTN yang sepatutnya dibayar balik oleh peminjam adalah sebanyak RM3.2 bilion yang melibatkan 716,085 peminjam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.5 bilion atau 47.4% telah dibayar balik yang melibatkan 537,010 peminjam. Manakala, jumlah yang masih belum dibayar balik adalah sebanyak RM1.7 bilion yang melibatkan 179,075 peminjam atau 52.6%. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, jumlah peminjam yang telah memulakan pembayaran balik pinjaman telah mencapai 75%. Peratusan ini

menunjukkan bahawa kesedaran peminjam mengenai tanggungjawab membayar balik pinjaman telah meningkat.

Pelbagai kaedah dan usaha telah dilakukan untuk memudahkan dan meningkatkan bayaran balik pinjaman antaranya:

- i. memperbanyak dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank- bank terpilih (Maybank, Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank dan Bank Simpanan Nasional);
- ii. bekerjasama dengan IPT untuk mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir / bakal graduan tentang kemudahan dan kepentingan membuat bayaran balik pinjaman;
- iii. mengeluarkan surat arahan bayaran balik bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan sepatut mula membuat bayaran balik dan mengeluarkan surat-surat peringatan bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik / tidak memberi maklumbalas;
- iv. bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, pihak swasta dan melantik ejen untuk mengesan peminjam;
- v. melantik panel peguam bagi urusan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand* (LOD) dan Saman; dan
- vi. bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan peminjam ingkar daripada keluar negara.

Peminjam sepatutnya sedar akan tanggungjawab masing-masing untuk membayar balik pinjaman tanpa dikenakan ‘paksaan’. Kegagalan untuk menjelaskan hutang pinjaman akan menjelaskan keupayaan PTPTN untuk membiayai pelajar baru pada masa akan datang.

Bagi memastikan peruntukan dana pembiayaan dapat menampung keperluan pembiayaan pendidikan pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan, unjuran perbelanjaan disemak pada setiap tahun berdasarkan kelulusan pembiayaan tahun terdahulu. Bagi tahun 2010, PTPTN mengunjurkan keperluan dana sejumlah RM4.0 bilion bagi membiayai seramai 170,000 pelajar baru dan hampir 400,000 peminjam sedia ada. Dijangka jumlah yang diunjurkan tersebut dapat menampung keperluan pembiayaan bagi tahun 2010.

SOALAN NO: 37

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN:	LISAN
DARIPADA	DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN)
TARIKH	17 MAC 2010 (RABU)
SOALAN	Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI menyatakan apakah perancangan atau usaha KEMENTERIAN dalam mengurangkan kebergantungan negara ke atas daging import khususnya dari India dan Australia.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara selaras dengan usaha untuk mengurangkan kebergantungan negara ke atas daging import khususnya dari India dan Australia.

Antara perancangan yang telah disediakan adalah:

- i) mentransformasi industri pedaging daripada pentemakan secara kecil-kecilan kepada penternakan komersial atau berskala besar dan lebih mapan;
- ii) melaksanakan program bagi meningkatkan populasi asas temakan menerusi program-program seperti Program Integrasi Temakan di bawah ladang kelapa sawit melalui Program Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS); dan

- iii) memberi insentif kepada pengusaha dan penternak di bawah Dasar Jamixian Bekalan Makanan bagi menggalakkan pengeluaran ternakan tempatan melalui pelaksanaan Program Transformasi Usahawan Temak (TRUST).

Melalui pelaksanaan program-program ini, kadar import daging dari luar negara pada keseluruhannya telah menurun sebanyak 4%, iaitu dari 105,00 tan metrik pada tahun 2006 kepada 100,931 tan metrik pada tahun 2009 seperti di Lampiran A.

Dalam masa yang sama pengeluaran daging dalam negara telah dapat dipertingkatkan dari 31,885 tan metrik pada tahun 2006 kepada 41,080 tan metrik pada tahun 2009 seperti di Lampiran B. Ini selari dengan peningkatan keperluan negara dari 146,373 tan metrik pada tahun 2006 kepada 152,609 tan metrik pada tahun 2009. Secara tidak langsung, Kadar Sara Diri pengeluaran daging dalam negara meningkat dari 22% pada tahun 2006 kepada 27% pada tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRI AMAN]**

TARIKH

17 MAC 2010

SOALAN

**Meminta MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

sama ada Kementerian akan mengkaji untuk membina

SOALAN 38

Taman Pelancongan Negara di kawasan Gunong Lesong,
Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Gunong Lesong pernah dicadangkan oleh Negeri Sarawak sebagai kawasan lindungan hidupan liar (wildlife sanctuary) kerana terdapat beberapa Orang Utan di kawasan tersebut akan tetapi ianya tidak dimajukan sebagai yang telah dicadangkan. Walaupun demikian, terdapat satu Taman Negara dengan jarak 10 kilometer daripada kawasan Gunong Lesong yang dinamakan Taman Negara Ulu Sebuyau yang telah diwartakan pada 4 September 2003 dengan keluasan 27,735 hektar.

Namun demikian, Kementerian Pelancongan mengambil perhatian terhadap cadangan Yang Berhormat serta mengalu-alukan sebarang cadangan daripada pihak Kerajaan Negeri yang ingin menjadikan sesebuah kawasan seperti Gunung Lesong sebagai destinasi pelancongan. Sebarang pembangunan produk-produk pelancongan di sesuatu kawasan adalah perlu dikaji terlebih dahulu bagi

melihat potensi dan kesesuaian kawasan berkaitan sebelum dapat dipromosikan sebagai produk pelancongan.

NO. AUM : 10

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
 [KANOWIT]**

TARIKH 17 MAC 2010

RUJUKAN 2351

SOALAN:

**Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah saman dan kutipan setiap tahun mengikut negeri daripada kesalahan melanggar tanda syarat atau undang-undang jalan raya dalam masa lima (5) tahun yang lalu.
JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kanowit

yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah saman yang dikeluarkan ke atas pesalah-pesalah lalulintas bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2009 ialah sebanyak 22,758,864 saman. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

**PECAHAN JUMLAH SAMAN MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2005 HINGGA TAHUN
2009**

Negeri	Jumlah Saman					JUMLAH
	2005	2006	2007	2008	2009	
Johor	737,633	610,806	506,111	523,464	604,378	2,982,392
Kedah	330,922	229,878	276,478	238,294	247,786	1,323,358
Kelantan	229,152	168,153	162,234	159,754	164,249	883,542
Melaka	131,503	121,232	111,274	118,362	113,349	595,720
Negeri Sembilan	280,001	252,895	223,695	179,696	167,402	1,103,689
Pahang	274,928	292,880	241,883	225,646	264,420	1,299,757
Pulau Pinang	351,248	346,377	309,245	282,269	353,266	1,642,405
Perak	701,708	584,076	516,755	451,844	369,175	2,623,558
Selangor	997,551	1,067,180	870,578	806,607	926,409	4,668,325
Terengganu	141,095	153,474	112,347	108,514	112,979	628,409
Kuala Lumpur	569,911	563,356	568,450	535,143	575,543	2,812,403
Sabah	236,507	218,741	238,398	217,299	222,819	1,133,764
Sarawak	145,008	130,507	158,321	163,456	259,493	856,785
Perlis	40,769	38,957	47,307	40,341	37,383	204,757
JUMLAH	5,167,936	4,778,512	4,343,076	4,050,689	4,418,651	22,758,864

Tuan Yang Dipertua,

Manakala jumlah kutipan saman bagi tempoh yang sama ialah bernilai **RM1,317,149,772** (RM1.3 billion). Pecahan mengikut negeri pula adalah seperti berikut:-

PECAHAN JUMLAH KUTIPAN SAMAN MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2005 HINGGA TAHUN 2009

Negeri	Jumlah Kutipan Saman (RM)					JUMLAH (RM)
	2005	2006	2007	2008	2009	
Johor	42,210,897	29,737,877	28,855,917	28,470,388	31,062,020	160,337,099
Kedah	17,626,691	12,222,677	14,834,331	14,491,663	16,243,835	75,419,197
Kelantan	10,935,478	7,991,600	8,227,294	8,036,013	8,731,342	43,921,727
Melaka	6,866,915	6,154,320	7,267,570	6,450,430	6,428,110	33,167,345
Negeri Sembilan	10,544,444	8,726,547	9,378,220	9,401,187	8,141,563	46,191,961
Pahang	11,347,275	10,178,405	10,449,584	9,976,656	10,934,970	52,886,890
Pulau Pinang	21,242,383	17,955,318	19,302,299	18,145,191	20,453,615	97,098,756
Perak	24,792,977	20,564,460	22,837,753	20,235,916	19,388,812	107,819,918
Selangor	46,169,801	43,146,075	44,919,268	40,449,625	43,850,663	218,535,432
Terengganu	8,422,218	7,310,633	8,096,630	7,514,231	8,541,900	39,885,612
Kuala Lumpur	81,909,352	52,072,197	48,073,051	62,490,765	59,650,263	304,195,628
Sabah	14,464,717	12,619,860	13,598,255	14,484,550	14,527,095	69,694,477
Sarawak	10,177,165	9,011,045	11,108,503	11,971,885	14,618,820	56,887,418
Perlis	2,618,286	1,979,150	2,312,574	2,037,490	2,160,894	11,108,394
JUMLAH	309,328,599	239,670,164	249,261,208	254,155,899	264,733,902	1,317,149,772

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TAN SRI DATO' SERI ABD. KHALID

BIN IBRAHIM [BANDAR TUNRAZAK]

TARIKH

18 MAC 2010

SOALAN

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan sebenar pembangkang ialah memastikan program dan undang-undang yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan mesti menjamin kebaikan rakyat dan negara. Bolehkah jawatankuasa khas yang melibatkan ahli parlimen pembangkang dan Kerajaan ditubuhkan untuk mengkaji draf perundangan untuk dibentangkan di Dewan Parlimen.

JAWAPAN : **DATO* SERIMOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ini boleh memberikan lebih ruang kepada Ahli-ahli untuk membincangkan dengan lebih teliti isu-isu yang dirujuk kepada jawatankuasa berkaitan. Namun begitu, sebarang keputusan berkenaan penubuhan jawatankuasa yang sedemikian memerlukan perancangan yang teliti supaya ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO⁵ HENRY SUM AGONG

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan meminda peruntukan di dalam Artikel

161A(7) Perlembagaan Malaysia yang tidak memberi ~~seorangan~~⁴ sebenarnya mengenai suku kaum yang terdapat di Sarawak.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZiZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa kini pihak Kerajaan tiada cadangan untuk meminda Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana peruntukan tersebut merangkumi semua suku kaum yang terdapat di Sarawak.

Perenggan (a) Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa “anak negeri” ertiannya berhubung dengan Sarawak, seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu.

Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif “anak negeri” dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman,

Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lism, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Perkara 44 Perlembagaan Negeri Sarawak mengguna pakai takrif “anak negeri” yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan berbunyi seperti yang berikut:

“Native” has the same meaning as it has in the Federal Constitution for the purposes of the application of Article 153 thereof to Natives of the State.’.

Berdasarkan Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan, terdapat beberapa ras yang tidak disebut secara nyata dalam ras-ras yang disenaraikan bagi maksud “anak negeri” bagi maksud negeri Sarawak iaitu bagi ras “Iban” dan “Bidayuh”. Namun demikian, tafsiran “anak negeri” bagi maksud negeri Sarawak di bawah Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada istilah “native” dalam *Sarawak Interpretation Ordinance 2005* (Cap.61) (Ordinan). Ini adalah kerana Fasal VIII *Malaysia Agreement* memperuntukkan antara lainnya bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, North Borneo dan Sarawak akan mengambil tindakan perundangan (legislative),

eksekutif (executive) atau tindakan lain yang perlu bagi melaksanakan jaminan, aku janji dan perakuan yang dinyatakan dalam Bab 3 serta Lampiran A dan B kepada *Report of the Inter-Governmental Committee (IGC Report)*. Dalam *IGC Report* tersebut, dinyatakan antara lain dalam perenggan 29(b)(i) Bab 3 bahawa istilah “native” (anak negeri) patut (*should*) ditafsirkan dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu bagi negeri Sarawak, dengan menerima tafsiran “native” dalam *Sarawak Interpretation Ordinance 2005* (Cap.61).

Di bawah seksyen 3 Ordinan tersebut, istilah “native” ditafsirkan sebagai “*a citizen of Malaysia of any race which is now considered to be indigenous to Sarawak as set out in the Schedule*”. Jadual kepada Ordinan tersebut antara lain menyenaraikan ras *Ibans or Sea Dayaks* dan ras *Bidayuhs or Land Dayaks* sebagai ras bagi maksud “native” dalam Ordinan tersebut.

Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Dayak Laut (*Sea Dayaks*) dan Dayak Darat (*Land Dayaks*) adalah ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif “anak negeri”. Oleh yang demikian, kaum Iban yang merupakan Dayak Laut (*Sea Dayaks*) dan kaum Bidayuh yang

merupakan Dayak Darat (*Land Dayaks*) telah diperuntukkan secara nyata sebagai anak negeri bagi Negeri Sarawak.

Sebagai kesimpulan, ras-ras yang disebut di Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan sememangnya merangkumi semua suku kaum yang terdapat di Sarawak.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN :

**DARIPADA DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]**

TARIKH 17 MAC 2010

SOALAN 42

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu telah diberhentikan dan bila projek itu akan dilanjutkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sedang dalam pelaksanaan. Projek ini dijangka siap pada 19 Mei 2010.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN

	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
	(SEKIJANG)
TARIKH	17.03.2010(RABU)
NO SOALAN	43

DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh manakah kajian telah dibuat oleh Kementerian mengenai minyak Petrol RON95 sesuai digunakan oleh semua kenderaan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Langkah Kerajaan memperkenalkan petrol RON95 bagi menggantikan petrol RON92 adalah untuk memastikan pengguna mendapat faedah langsung produk petroleum yang lebih berkualiti pada harga yang disubsidi. Petrol RON95 merupakan bahan bakar yang mematuhi spesifikasi EURO 2M di mana kandungan sulfur di dalam bahan bakar tersebut telah dikurangkan daripada 3,000 part permillon (ppm) kepada 500 ppm.

Sebelum keputusan untuk memperkenalkan RON95 dilaksanakan, beberapa siri perbincangan dengan pelbagai pihak yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan maklumbalas dari setiap aspek penggunaan petrol RON95. Antaranya ialah Bahagian Teknikal Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, *Malaysia Automotif Association (MAA)* dan *Motorcycle and Scooter Assemblers and Distributors Association of Malaysia (MAASAAM)*. Kesemua agensi-agensi yang terlibat telah bersetuju dengan pelaksanaan RON95 memandangkan ianya boleh menyumbang kepada alam sekitar yang bersih dan sesuai bagi kebanyakan enjin kenderaan di Malaysia.

Kebanyakan enjin kenderaan ketika ini menggunakan teknologi yang direka bentuk sesuai dengan penggunaan petrol RON95. Dengan menggunakan petrol yang mempunyai nilai RON minimum yang bersesuaian dengan keperluan kenderaan sepertimana yang disyorkan oleh pengeluar enjin kenderaan akan memastikan pembakaran berlaku tepat pada masanya lantas mengelakkan berlakunya fenomena ketukan enjin. Oleh yang demikian, sekiranya enjin kenderaan cukup sekadar dengan pembakaran RON95, penggunaan RON yang lebih tinggi tidak akan memberi kesan kepada keupayaan enjin secara optimum. Negara-negara pengeluar kenderaan utama dunia seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat juga menggunakan petrol RON95. Di Eropah, penggunaan petrol RON95 adalah lebih 80% daripada keseluruhan penggunaan petrol yang merupakan bahan bakar utama kenderaan.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI
AYUB [KUBANG KERIAN]**

TARIKH

17 MAC 2010

SOALAN :

Y.B. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berpendapat Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Akta 144) tidak perlu dipinda bagi memenuhi perkembangan dan tuntutan semasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendirian bahawa peruntukan di dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Akta 144) adalah mencukupi bagi PETRONAS memainkan peranannya secara berkesan mengikut perkembangan dan tuntutan semasa.

Soalan No

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
TARIKH	17.03.2010

SOALAN:

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah yang menyertai program SchoolNet dan nyatakan setakat mana hasil dan keberkesanan program SchoolNet ini kepada pelajar yang menyertainya terutama di luar bandar untuk akses kepada kemudahan ICT seperti Internet dan komputer.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 1 Januari 2010, rangkaian SchoolNet telah selesai disambungkan di 9,618 buah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) termasuk Institut Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Prasarana SchoolNet membolehkan KPM menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran tanpa sempadan. Program ini mampu merapatkan jurang digital di antara murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar dan mempertingkat keberkesanan sistem pendidikan negara serta mewujudkan suasana pendidikan yang interaktif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor utama bagi projek SchoolNet KPM adalah Syarikat GITN Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Telekom Malaysia. Pemantauan prestasi perkhidmatan dari aspek kelajuan jalur lebar bagi projek ini

dipantau oleh pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, dan di pihak KPM oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP).

Dengan adanya program SchoolNet, murid di bandar dan luar bandar didedahkan dengan teknologi komunikasi secara global. Jurang digital di antara murid luar bandar dan bandar dapat dikurangkan. Kemudahan komunikasi secara emel dan web conferences dapat dilaksanakan. Suasana pembelajaran secara interaktif dilaksanakan untuk murid dan guru, sebagai contoh, capaian ke aplikasi eduwebtv. Carian maklumat dan bahan P&P boleh didapati melalui Internet secara global dan secara langsung mewujudkan budaya celik IT kepada warga sekolah.

Bagi memastikan kesemua 9,480 buah sekolah menikmati Projek SchoolNet dengan kelajuan 1Mbps *downlink* dan 128Kbps *uplink*, tiga (3) jenis teknologi digunakan:-

- i. Talian Langganan Digital Asimetrik (ADSL) iaitu teknologi memancarkan maklumat digital dengan menggunakan talian telefon (copper) untuk kawasan bandar;
- ii. Wayarles iaitu teknologi memancarkan isyarat digital melalui gelombang udara untuk kawasan terpencil, dan
- iii. Terminal Bukaan Amat Kecil (VSAT) iaitu teknologi pemancaran dan penerimaan isyarat digital melalui satelit dan stesen bumi untuk kawasan luar bandar.

Soalan No : 4^>

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)
TARIKH	17.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan menurut jawapan bertulis yang diberi kepada soalan YB Seputeh bertarikh 16 Jun 2009, sudahkah kajian "Pendidikan Kanak- kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia" disiapkan dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani isu pendidikan golongan pelarian dan pemohon perlindungan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa dokumen. Sehubungan itu, satu kajian menyeluruh berkaitan “Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia” telah dijalankan oleh KPM dan siap pada September 2009. Hasil daripada kajian tersebut beberapa cadangan dikemukakan untuk tindakan kerajaan. Antaranya;

- i. Menguatkuasakan arahan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 iaitu mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan

sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada Ketua Kampung;

- ii. Menguatkuasakan pendidikan rendah wajib dan tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada ibu bapa yang ingkar dengan perintah tersebut seperti yang termaktub dalam seksyen 29(A) Akta Pendidikan 1996; dan**
- iii. Bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, KPM menghargai sumbangan kementerian-kementerian lain dan pihak NGO dalam usaha menangani isu pendidikan golongan pelarian dan pemohon perlindungan dengan mewujudkan perkongsian pintar dalam menyediakan peluang pendidikan.**

Rjm09

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
	(SIPITANG)
TARIKH	17.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan dan perhatian yang diambil untuk menentukan kemajuan semua sekolah-sekolah dalam negara ini, dan kenapa hanya 20 buah dipilih sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) baru-baru ini.

SOALAN NO. 48

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan kemajuan dan pencapaian semua sekolah dan dalam masa terdekat ini KPM akan memperkenalkan *School Improvement Program* yang merangkumi *School Improvement Toolkit* bagi menilai kemajuan sekolah dan *School Improvement Plan* untuk membantu sekolah mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang terdapat di sekolah. Selain daripada itu, sistem pemantauan yang lebih sistematik dan pendekatan yang menjurus kepada keperluan sekolah akan digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa mengumumkan Bidang Keberhasilan Utama Negara, Y.A.B. Perdana Menteri telah menyatakan sebanyak 100 buah Sekolah Berprestasi Tinggi akan dipilih menjelang 2012. Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat perancangan untuk memilih sekolah-sekolah ini secara berperingkat-peringkat iaitu 20 buah untuk tahun ini, 30 buah lagi akan dipilih pada Tahun 2011 dan selebihnya iaitu sebanyak 50 buah pada 2012.

Rjm 07

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan : -

- (a) Jadual pecahan peruntukan yang disalurkan setiap bulan sepanjang tahun lalu kepada Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) bagi program atau skim "Gerak Gempur Kemiskinan" dan
- (b) Mekanisme agar tidak wujudnya penyelewengan dana tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek Gempur Kebajikan (PGK) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mulai 1 Oktober 2009 hingga 30 November 2009 bagi

membantu menyelesaikan kes-kes permohonan bantuan yang tertunggak. Sepanjang tempoh perlaksanaan PGK, sebanyak 49,810 kes telah diluluskan bantuan. Bayaran bantuan kepada semua yang layak telah dibayar mulai bulan Oktober 2009 melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM13.8 juta sebulan.

Pecahan peruntukan mengikut skim bantuan yang telah dikhaskan di bawah PGK adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH PENERIMA BANTUAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM/BULAN)
Bantuan Orang Tua	17,396	5,218,800
Bantuan Kanak-kanak	12,051	3,314,025
Bantuan Am	9,250	2,312,500
Elaun Pekerja Cacat	4,156	1,246,800
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	3,167	475,050
Bantuan Pesakit Kronik / OKU Terlantar	3,021	906,300
Lain-lain Bantuan	769	384,500
JUMLAH	49,810	13,857,975

Semua bayaran bantuan kebajikan termasuk kepada penerima bantuan di bawah PGK diuruskan oleh pegawai JKM di peringkat Daerah berdasarkan peraturan dan tatacara kewangan yang sedang berkuatkuasa di peringkat Jabatan. Mekanisme yang dilaksanakan dalam proses bayaran ialah sama ada bayaran melalui bank ataupun bayaran tunai di pusat-pusat bayaran oleh Pegawai Pembayar dengan kehadiran saksi. Ini dapat menjamin tidak

berlakunya penyelewengan pembayaran wang bantuan kepada penerima bantuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Puan Hajah Nancy Binti Shukri (Batang Sadong)

TARIKH 17 Mac 2010 (Rabu)

SOALAN

Puan Hajah Nancy Binti Shukri (Batang Sadong) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai berapa banyakkah struktur bangunan mahkamah di Malaysia ini mengambil kira tentang saksi-saksi kanak-kanak atau mangsa dera yang tidak mahu/sanggup berhadapan dengan tertuduh.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan sedia ada di Mahkamah-Mahkamah seluruh negara khususnya melibatkan saksi kanak-kanak yang mesra keluarga sentiasa dikaji dan dirancang oleh Kerajaan bagi memudahkan rakyat berurusan dengan Mahkamah.

Dalam usaha untuk melindungi saksi kanak-kanak, Kerajaan telah

NO.AUM : 46

mewujudkan bilik-bilik khas khususnya untuk saksi atau mangsa yang bersifat terancam (dengan izin *vulnerable witness*). Bilik saksi khas ini dihubungkan dengan bilik bicara melalui teknologi berelektronik supaya saksi tersebut dapat memberi keterangan secara selamat tanpa perlu berhadapan dengan orang yang tertuduh semasa perbicaraan di bilik bicara.

Kemudahan ini telah dibekalkan di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Alor Setar, Pulau Pinang serta Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Kemudahan ini juga akan dibekalkan di beberapa mahkamah yang sedang dalam pembinaan seperti di Kuantan, Muar, Shah Alam, Kajang dan Klang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu, kemudahan struktur yang bersifat mesra keluarga juga telah dirancang di bangunan-bangunan mahkamah baru dengan mengadakan bilik menunggu khas untuk keluarga. Bilik ini dilengkapi dengan sistem perakam litar tutup sehala (dengan izin, One-way CCTV) untuk mengambil keterangan saksi kanak-kanak. Kemudahan yang disediakan termasuklah peralatan permainan kanak-kanak, tempat rehat untuk penjaga serta kemudahan persalinan dan penyusuan bayi. Bilik menunggu khas keluarga tersebut telah disediakan di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dan bakal disediakan di Mahkamah Baru Kuantan dan Muar.

Sekian terima kasih.

NO.AUP : SO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

DARIPADA

17 MAC 2010

TARIKH

2354

**SOALAN:
RUJUKAN:**

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) jumlah bilangan kelulusan permit masuk dan kewarganegaraan setakat tahun 2009 ; dan
- (b) punca kegagalan bagi permohonan warga negara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua ,

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Gelang Patah yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Jumlah bilangan kelulusan Permit Masuk dari tahun 2005 sehingga tahun 2009 ialah 17,897 manakala bilangan kelulusan kewarganegaraan Malaysia bagi tempoh yang sama ialah 27,424.

Tuan Yang DiPertua,

(b) Pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia yang diberikan kepada orang asing dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Kementerian hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, di samping itu juga pemohon-pemohon tersebut perlu melalui pelbagai peringkat proses tapisan yang dibuat secara terperinci dalam usaha memastikan hanya orang-orang yang benar-benar layak sahaja diberikan taraf warganegara Malaysia.

Antara punca-punca kegagalan bagi permohonan warganegara Malaysia adalah seperti berikut:-

Pertama : Pemohon didapati gagal menguasai Bahasa Melayu;

Kedua : Gagal melepassi proses Tapisan Keselamatan Polis DiRaja Malaysia;

Ketiga : Tidak menunjukkan kesanggupan untuk menetap di negara ini kerana sering kembali ke negara asal dan lebih memberikan keutamaan kepada keluarga dan kepentingan di negara asal; dan

Keempat : Tempoh pemohon menetap di negara ini masih belum mencukupi seperitimana yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Soalan No : 5

(PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT)

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN CHONG ENG
	(BUKIT MERTAJAM)
TARIKH	17.03.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa sekolah mubaligh tidak diberi layanan yang sama terutama dari segi peruntukan pembangunan sedangkan sekolah-sekolah tersebut mengamalkan sistem pendidikan kebangsaan dan mempunyai populasi pelajar pelbagai kaum sama seperti di Sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mengikut Akta Pendidikan 1996, terdapat tiga jenis buah sekolah di dalam sistem pendidikan negara iaitu sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta. Dalam memberikan akses pendidikan berkualiti kepada semua murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha menyediakan kemudahan pendidikan kepada semua tanpa mengira jenis sekolah. Justeru, tidak timbul soalan layanan tidak adil terhadap mana-mana jenis sekolah di negara ini. Sekolah mubaligh adalah sekolah bantuan kerajaan di mana segala kemudahan sekolah ini dimiliki oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM117.5 juta dalam RMKe-9 bagi membantu menaik taraf bangunan dan kos penyelenggaraan Sekolah Mubaligh. Walau bagaimanapun, peruntukan ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Rjm 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN NO: 5

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**
[Marang]

TARIKH **17 MAC 2010**

RUJUKAN **2355**

SOALAN:

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai tahanan ISA sejak 2008 (mengikut kaum dan negara) hingga kini dan mengapa mereka ditahan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Marang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sejak 2008 sehingga 28 Februari 2010, seramai 18 orang telah ditahan dibawah Seksyen 8(1) AKDN. Daripada jumlah tersebut seramai enam (6) orang warganegara Malaysia yang terdiri daripada empat (4) orang berbangsa Melayu dan dua (2) orang berbangsa India telah dikenakan Perintah Tahanan manakala dua belas (12) orang yang lain adalah warganegara asing yang terdiri daripada lima (5) orang warganegara Sri Lanka, dua (2) orang warganegara Pakistan dan masing-masing seorang warganegara Morocco, Indonesia, Bangladesh, Thailand serta seorang warganegara Singapura.

Perintah Tahanan yang dikenakan adalah disebabkan penglibatan mereka dalam perbuatan atau kegiatan yang menggugat keselamatan negara seperti pemalsuan dokumen, penyeludupan warganegara asing, kegiatan keganasan/militan dan juga aktiviti yang menghina agama Islam.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada 21 Januari 2010 terdapat lima belas (15) orang tahanan yang sedang menjalani Perintah Tahanan di bawah ISA. Daripada jumlah tersebut, enam (6) adalah warganegara Malaysia, empat (4) orang warganegara Sri Lanka dan masing-masing seorang (1) warganegara Bangladesh, Thailand, Pakistan, Singapura serta seorang (1) warganegara Indonesia yang telah diberikan taraf Penduduk Tetap oleh Kerajaan. Mereka yang ditahan ini ditempatkan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak. Mereka telah ditahan kerana terlibat dengan pemalsuan dokumen seramai empat (4) orang, Jemaah Islamiah

lima (5) orang dan penyeludupan manusia enam (6) orang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN 17
TARIKH	MAC 2010 (RABU)
SOALAN	NO.53
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah pencapaian universiti-universiti Malaysia dalam matlamat untuk mencapai pendidikan bertaraf dunia. Dan apakah hasilnya, sejak Universiti Sains Malaysia telah diberi taraf universiti APEX.	

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PTPSN) perlu melalui empat fasa bermula tahun 2007 sehingga melangkaui 2020. Fasa pertama pelaksanaannya dalam tempoh 2007-2010 merupakan peletakan asas untuk mentransformasikan sistem pengajian tinggi negara supaya berada di landasan yang kukuh. Sebanyak 21 Agenda Kritikal digubal khusus bagi melaksanakan perubahan untuk mentransformasikan sektor pengajian tinggi negara di antaranya governan (autonomi); kepimpinan; akademia; penyelidikan dan pembangunan; pengantarabangsaan; kebolehpasaran graduan; Universiti Apex; MyBrain15; dan Akademia - Industri. Pencapaian institusi pengajian tinggi negara keseluruhannya diukur berdasarkan pencapaian PSPTN dan pelaksanaan agenda kritikal.

Laporan kemajuan pelaksanaan PSPTN bagi tempoh Januari hingga Jun 2009 melaporkan di antaranya dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) umpamanya, sehingga Jun 2009, terdapat sebanyak 12,523 penyelidikan telah dilaksanakan oleh IPTA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4.3% atau 543 produk penyelidikan telah dikomersialkan dan 313 produk lagi berpotensi untuk dikomersialkan. Manakala dari segi pengantarabangsaan pula, sehingga 31 Mac 2009, terdapat seramai 69,154 pelajar antarabangsa daripada lebih 150 buah negara, kebanyakannya daripada Indonesia, China, dan negara-negara Timur Tengah sedang menuntut di IPTS dan IPTA berbanding dengan 50,788 orang pelajar pada 31 Mac 2008. Ini menunjukkan peningkatan pelajar antarabangsa sebanyak 26.5%.

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Sains Malaysia (USM) telah dipilih sebagai universiti APEX oleh Jawatankuasa Pemilihan Universiti APEX pada 3 September 2008. USM diberi lebih peruntukan untuk menjalankan penyelidikan dan juga diberi autonomi dalam pengurusan kewangan, sumber manusia, kemasukan pelajar, dan penyediaan prasarana penyelidikan. Diantara perkara yang telah dilaksanakan ialah:

- i. dari segi kewangan, USM telah diberi peruntukan untuk menampung kerja-kerja melengkapkan prasarana, khusus berkaitan dengan pengajaran dan penyelidikan. Di antara prasarana yang dibangunkan termasuklah *Centre for Chemical Biology* (CCB) dan *Science and Art innovation Space*;

- ii. dari segi sumber manusia, USM telah meningkatkan pengambilan pasca-kedoktoran kepada 44 orang. Mereka terdiri daripada para penyelidik sepenuh masa yang ditugaskan untuk meningkatkan lagi bilangan penerbitan dalam jurnal antarabangsa. menguruskan kemasukan pelajar sendiri mulai sesi pengajian 2009/2010. melonjakkan keupayaan dalam R&D yang dibuktikan melalui hasil dapatan SciVal Spotlight yang dikendalikan oleh Elsevier yang berpusat di Belanda. Daripada 554 disiplin di dunia, USM berjaya menempatkan dirinya pada kedudukan pertama dalam tujuh disiplin iaitu Polimer & Makromolekul, Komposit, Kayu, Pengurusan Keselamatan, Teknologi Membran, Kristalografi, Tropical Medicine, Kejuruteraan Kimia, Bahan Api serta Kimia Organik dan Tak Organik.

ar.[^]

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT.

PERTANYAAN

MALAYSIA LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM

KAWASAN

ARAU

TARIKH

17.03.2010 (RABU)

NO. SOALAN 54

**Y.B. DATO' ISMAIL KASIM minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:**

- a) Berapakah jumlah negara yang telah menandatangani Free Trade Agreement (FTA) dengan Malaysia; dan
- b) Berapakah di antara perjanjian tersebut yang hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini Malaysia telah memuktamadkan 11 Perjanjian Perdagangan Bebas atau dengan izin Free Trade Agreement (FTA) di mana 8 daripadanya adalah perjanjian serantau

(ASEAN) dan 3 perjanjian duahala. Secara duahala, Malaysia

telah menandatangani FTA dengan:

- **Jepun;**
- **Pakistan; dan**
- **New Zealand**

Manakala FTA yang ditandatangani secara serantau bersama dengan ASEAN adalah:

- **ASEAN Free Trade Agreement (AFTA);**
- **ASEAN-Korea;**
- **ASEAN-Jepun;**
- **ASEAN-China;**
- **ASEAN-India (Perjanjian bagi Perdagangan Barang); dan**
- **ASEAN-Australia-New Zealand**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebelum mana-mana perjanjian FTA dimeterai, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan perjanjian FTA yang ditandatangani akan memberi faedah kepada negara. Ini termasuklah mengadakan kajian kemungkinan (*feasibility studies*) dan konsultasi dengan *stakeholders*, dengan

izin serta melalui beberapa siri rundingan dengan rakan dagang.

Dalam proses rundingan, MITI mengadakan perjumpanan dengan stakeholders, dengan izin, termasuk Kementerian- kementerian dan sektor swasta, khususnya sektor-sektor industri dan bisnes, yang secara langsung ada kaitan, untuk mendapat input dan panduan dengan pembukaan pasaran, penurunan tarif dan isu-isu berkepentingan di negara-negara rakan dagang berkenaan.

Semua input yang diterima oleh Kementerian dan agensi- agensi, akan menjadi asas kepada permintaan Malaysia terhadap rakan dagang, dan juga asas, kepada apa-apa pendirian Negara, kepada mana-mana permintaan rakan dagang kepada Malaysia, terutama dalam konteks pembukaan pasaran, di Malaysia. Contohnya, persatuan- persatuan industri dan perdagangan akan memberi input terhadap sejauh mana pasaran untuk sesuatu produk, atau perkhidmatan, boleh dibuka untuk syarikat-syarikat rakan dagang. Mereka sendiri akan memberi panduan kepada Kerajaan, tentang bila mereka bersedia, untuk menerima saingan, dan setakat mana ekuiti asing boleh dibenarkan. Tuan

Yang Di Pertua,

Dalam mana-mana rundingan FTA, terdapat permintaan-permintaan rakan dagang yang tidak boleh dipertimbangkan oleh Malaysia, kerana bercanggah dengan dasar-dasar sediaada, atau pun melebihi apa yang Malaysia telah tawarkan dalam rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organisation* -WTO), atau Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean, AFTA.

Begitu juga dengan rakan dagang, terdapat permintaan-permintaan Malaysia yang boleh dipertimbangkan oleh mereka, dan ada yang tidak dapat dipersetujukan oleh mereka, kerana sebab-sebab tertentu.

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian FTA juga menjadi landasan untuk meningkatkan kerjasama perdagangan di antara dua belah pihak dengan adanya fasilitasi perdagangan yang memudahkan perdagangan melalui harmonisasi prosedur-prosedur kastam dan menyediakan jalan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan standard serta *health, sanitary and technical regulation, dengan izin*, yang kebiasaanya menjadi halangan dalam perdagangan.

Mana-mana rundingan Perjanjian FTA hanya akan dimuktamadkan dan Perjanjian FTA akan ditandatangani setelah kedua-dua pihak berpuashati dengan apa yang dicapai di dalam rundingan yang semestinya akan memberi manfaat kepada negara masing-masing khususnya dari segi ekonomi dan untuk kesan jangka panjang. Oleh yang demikian, tidak timbul isu bahawa perjanjian berkenaan hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja sebaliknya ianya memberi kesan yang positif terhadap perkembangan perdagangan kedua-dua belah pihak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA

SOALAN YB LISAN
MENTERI menyatakan menjayakan Program YB PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH) 17
Kerajaan berdasarkan enam perbelanjaan untuk Hari MAC 2010 Sunway. Mengapakah di menggariskan inisiatif untuk indeks jenayah tidak menekankan pengurangan jenayah melibatkan keganasan tetapi sebaliknya jenayah kecurian motosikal dan kereta.

TARIKH

Puan Fong Po Kuan [...] peruntukan untuk Transformasi bidang NKRA dan Terbuka GTP di dalam mengurangkan

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

(a) Kos untuk meniavakan Program Transformasi Kerajaan (PTK)/ (GTP)

Seperti yang sedia maklum, enam (6) bidang NKRA telah ditetapkan untuk dilaksanakan di bawah PTK atau *Government Transformation Program (GTP)*, iaitu: meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, menambah baik pengangkutan awam, memerangi rasuah, mengurangkan kadar jenayah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman serta meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.

Seberapa yang boleh, pelaksanaan enam (6) NKRA ini, sedang dan akan menggunakan peruntukan yang telah disediakan di bawah Belanjawan 2010. Walau bagaimanapun, belanjawan tambahan dijangka diperlukan. Ini akan dikemukakan dalam Belanjawan Tambahan yang akan dibentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini dalam sesi ini.

Kebanyakan belanjawan tambahan adalah ditujukan untuk prasarana asas luar bandar seperti pembinaan jalan, bekalan air dan letrik, untuk sistem pengangkutan awam bagi Kuala Lumpur dan Lembah Kelang dan untuk projek-projek perumahan mampu beli dan program-program pembasmian kemiskinan. Bagi tahun 2011 dan selanjutnya, belanjawan masih belum dimuktamadkan lagi.

(b) Kos Perbelanjaan untuk Hari Terbuka GTP

Tiga (3) sesi Hari Terbuka untuk mempamerkan Program Transformasi Kerajaan (PTK) kepada orang awam dan mengadakan perbincangan secara mendalam

mengenai setiap NKRA telah diadakan di Kompleks Sunway, Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu pada bulan Disember 2009 dan Januari 2010, sebelum Pelan Halatuju PTK dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2010.

Kos untuk pameran PTK adalah sebanyak hampir RM 2.9 juta yang termasuk kos sewaan ruang pameran dan bilik-bilik bengkel, bekalan makanan sepanjang hari dan semua perkhidmatan yang diberi. Selain daripada kos pentadbiran, ianya juga merangkumi kos perunding media, kos penyediaan semua persempahan multi-media, kos publisiti dan iklan melalui media dan kos penyediaan struktur gerai dan poster-poster yang khas direkabentuk dan disediakan untuk digunakan di Kuala Lumpur dan selanjutnya diangkut untuk digunakan di Kuching dan Kota Kinabalu.

(c) NKRA Mengurangkan Jenayah

Sebenarnya, NKRA mengurangkan jenayah adalah menuju kepada semua kategori jenayah. Penggubalan strategi untuk NKRA ini dalam makmal pada bulan Oktober-November 2009 berdasarkan indeks jenayah yang dilaporkan bagi tahun 2008. Kategori jenayah yang terbesar, sebanyak 42% ialah kecurian kenderaaan (motosikal dan kereta). Oleh itu, kategori ini memang patut diberi tumpuan. Yang kedua terbesar ialah pelbagai jenis kecurian, sebanyak 19%, diikuti oleh pecah masuk rumah dan kedai (pada siang dan malam) sebanyak 17%. Walaupun jenayah ragut dan rompakan tanpa senjata samada secara individu atau berkumpulan juga berjumlah 17%, tetapi mangsa-mangsa sering mengalami kejutan traumatik, dan ada di antaranya tercedera atau mati dan menjadi berita yang mengejutkan orang awam. Oleh itu, kategori jenayah ini diberi tumpuan utama.

Yang baki 5% ialah jenayah ganas yang merangkumi rompakan bersenjata samada secara individu atau berkumpulan, ugut, rogol dan bunuh. Walaupun peratusan kategori ini terkecil, Kerajaan juga sangat memandang serius. Strategi yang diambil ialah dua mata serampang. Pertama, pencegahan melalui pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran mempertahankan diri. Kedua, peningkatan kapasiti polis untuk menyiasat, mengenalpasti, memberkas dan mendakwa suspek serta pemerkasaan kapasiti sistem kehakiman untuk menjatuhkan hukuman terhadap penjenayah secepat mungkin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO. 48

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (DAP)
(SEREMBAN)

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

**YB John A/L Fernandez (DAP) (Seremban) minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan dengan perincian berdasarkan kaum dan jantina:-

- (a) Jumlah permohonan bantuan kebajikan yang diterima di kawasan Parlimen Rasah (P130) dari 1 Januari 2008 sehingga 31 Disember 2009 bagi warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal; dan
- (b) Peratusan permohonan yang diluluskan dan yang tidak diluluskan serta alasannya.

JAWAPAN Tuan Yang di-

Pertua

- a) Jumlah permohonan bantuan kebajikan yang diterima dari Kawasan Parlimen Rasah bagi warga emas, orang kurang upaya dan ibu

tunggal berdasarkan kaum dan jantina bagi tempoh 1 Januari 2008 sehingga 31 Disember 2009 adalah sebanyak 838 permohonan.

Pecahan permohonan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Kategori	Melayu		Cina		India		Jumlah	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Warga emas	45	67	17	54	28	89	90	210
OKU	30	50	5	29	20	45	55	124
Ibu Tunggal	90	85	31	49	35	69	156	203
Jumlah	165	202	53	132	83	203	301	537

Pecahan permohonan mengikut jantina pula adalah seperti berikut:

Kategori	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Warga emas	42	78	48	132	90	210
OKU	17	64	38	60	55	124
Ibu Tunggal			156	203	156	203
Jumlah	59	142	242	395	301	537

Tuan Yang di-Pertua,

Peratus permohonan yang diluluskan bagi tempoh Januari 2008 hingga Disember 2009 adalah sebanyak 77 peratus ataupun 642 permohonan manakala sebanyak 23 peratus ataupun 196 permohonan tidak diluluskan.

Permohonan yang tidak diluluskan bantuan adalah berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya ialah:

- i) Pemohon mempunyai pendapatan isi rumah melebihi had kelayakan yang telah ditetapkan bagi melayakkannya menerima bantuan kebajikan;
- ii) Pemohon di kalangan warga emas masih mempunyai keluarga yang berpendapatan tetap dan berkemampuan untuk menampung sara hidup seharian; dan
- iii) Permohonan dari kalangan OKU untuk mendapatkan insentif Elaun Pekerja Cacat (EPC) didapati mempunyai pendapatan tetap melebihi syarat kelayakan iaitu RM1.200 sebulan.

SJ.B/(18)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN cv-i*, ^ DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADATUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI

SAMSURI (BAGAN SERAI)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

: 17.03.2010

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan;-**

- (a) berapakah kos perkhidmatan bagi pinjaman sebanyak RM 10,000 yang dibuat oleh peserta Amanah Ikhtiar**

**dan jumlah bayaran balik bulanan dan tempohnya;
dan**

- (b) berapa ramaikah peserta yang terlibat mengikut
negeri dan jumlah pembiayaannya bagi tahun 2007-
2009**

MAR-17-2010 12:20PM FROM-
91

T-489 P.011/013 F-414

SJ.B/(18)

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) berapakah kos perkhidmatan bagi pinjaman sebanyak RM10,000 yang dibuat oleh peserta Amanah Ikhtiar dan jumlah bayaran balik bulanan dan tempohnya**
1. Untuk makluman Yang Berhormat, kos (caj) perkhidmatan yang dikenakan oleh Amanah Iktiar Malaysia (AIM) kepada peserta (sahabat)nya adalah sebanyak 10% sahaja setahun. Manakala bayaran balik pinjaman dibuat

oleh sahabat adalah secara mingguan. Berdasarkan pinjaman sebanyak RM10,000, sahabat AIM akan dikenakan caj perkhidmatan dan bayaran balik pinjaman mingguan mengikut tempoh pinjaman seperti Jadual 1 di bawah :-

JADUAL 1; JUMLAH CAJ PERKHIDMATAN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SEBANYAK RM10,000 OLEH AMANAH IKHTIAR MALAYSIA

Tempoh	1 tahun (50 minggu)	1.5 tahun (75 minggu)	2 tahun (100 minggu)	3 tahun (150 minggu)
Caj	RM1000	RM1500	RM2000	RM3000
Bayaran Balik Mingguan	RM220	RM153	RM120	RM86

SJ.B/(18)

(b) berapa ramaikah peserta yang terlibat mengikut negeri dan jumlah pembiayaannya bagi tahun 2007-2009

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2007 jumlah sahabat yang menyertai Skim Pembiayaan AIM adalah seramai 182,078 orang dengan pembiayaan berjumlah RM432,246,370.00. Manakala bagi tahun 2008 penyertaan sahabat meningkat kepada 200,037 orang dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM567,155,258.00. Pada tahun 2009, sahabat yang menyertai AIM semakin meningkat iaitu sebanyak 241,005 orang dan pembiayaan yang dikeluarkan adalah sebanyak RM807,910,430.00.

3. Negeri Kelantan mempunyai bilangan sahabat AIM paling ramai bagi tahun 2007 dan 2008 iaitu masing-masing seramai 33,470 dan 35,582 orang. Pada tahun 2009 pula, Sabah mencatatkan penyertaan sahabat paling tinggi iaitu seramai 42,596 orang. Manakala jumlah pembiayaan yang paling tinggi dibuat oleh sahabat Negeri Kelantan iaitu sebanyak RM125.85 juta (2007), RM149.28 juta (2008) dan RM203.26 juta (2009). Pecahan jumlah sahabat dan jumlah pembiayaan mengikut negeri adalah seperti dalam Jadual 2 di Lampirkan:

Tahun/ Negeri	2007		2008		2009	
	Jumlah Sahabat	Jumlah Pembiayaan (RM)	Jumlah Sahabat	Jumlah Pembiayaan (RM)	Jumlah Sahabat	Jumlah Pembiayaan (RM)
Kuala Lumpur	-	-	149	905,700.00	5,980	17,489,800.00
Selangor	6,882	10,476,700.00	7,328	15,952,250.00	13,328	34,292,800.00
Pahang	10,381	21,665,200.00	11,830	31,247,860.00	14,046	41,526,800.00
Johor	1,578	1,846,700.00	2,420	3,814,700.00	5,753	12,251,550.00
Perak	20,758	42,008,710.00	22,076	58,069,950.00	24,457	72,904,670.00
Kedah	27,968	74,161,340.00	28,738	90,827,100.00	28,869	116,931,570.00
Kelantan	33,470	125,854,000.00	35,582	149,283,628.00	39,233	203,263,140.00
Terengganu	21,621	65,547,270.00	22,518	85,251,760.00	24,108	110,058,620.00
Perlis	3,088	8,033,400.00	3,108	9,027,700.00	3,535	15,554,000.00
P.Pinang	2,782	7,803,750.00	2,869	9,270,550.00	4,188	17,618,300.00
Melaka	2,307	2,900,700.00	2,385	3,183,000.00	3,712	8,582,500.00
N.Sembilan	3,596	4,065,100.00	4,252	6,141,700.00	6,892	12,948,800.00
Sabah	25,986	31,490,340.00	33,544	57,033,910.00	42,596	88,409,150.00
Sarawak	21,661	36,393,160.00	23,238	47,145,450.00	24,308	56,078,730.00
JUMLAH	182,078	432,246,370.00	200,037	567,155,258.00	241,005	807,910,430.00

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN DING KUANG HUNG
	(SARIKEI)
TARIKH	17.03.2010 (RABU)
NO SOALAN	58

TUAN DING KUANG HUNG (SARIKEI) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai satu garis panduan dan rancangan untuk mengawal harga bahan-bahan digital dalam/melalui media elektronik dalam Akta Kawalan Harga, 1946. Jika tidak, nyatakan apakah langkah-langkah oleh Kementerian yang telah diambil untuk mengawal harga bahan media tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tidak semua barang yang dipasarkan dinegara ini dikawal harganya. Terdapat beberapa barang keperluan yang mana harga jualan dikawal oleh KPDKKK. Kawalan harga ini dilaksanakan mengikut peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga 1946.

Terdapat dua jenis kawalan harga yang dilaksanakan oleh KPDNKK terhadap beberapa barang keperluan. Pertama, ialah kawalan secara pentadbiran yang ditetapkan kepada enam (6) barang keperluan yang juga merupakan barang kawalan iaitu, petrol RON 95 & RON 97, diesel, gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum (kegunaan am), roti (standard loaf - 200g hingga 1000g) dan minyak masak (sawit tulen & sawit campuran). Harga siling runcit yang telah ditetapkan adalah atas rundingan dan persetujuan daripada pihak pengeluar dengan Kerajaan.

Kedua, ialah kawalan secara undang-undang yang berdasarkan kepada seksyen 4 dan seksyen 13, Akta Kawalan Harga 1946. Pengawal Harga dengan kelulusan oleh YB Menteri PDNKK akan menetapkan harga siling runcit sesuatu barang yang akan dikenali sebagai barang harga terkawal. Kemudian YB Menteri akan mengisytiharkan barang harga terkawal tersebut dengan harga silingnya mengikut kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti di seluruh negara. Gula putih bertapis (halus dan kasar) adalah merupakan barang harga terkawal yang dikawal sepanjang masa.

Selain daripada itu, kawalan harga juga dilakukan semasa tempoh musim perayaan bagi beberapa jenis barang perlu dalam sesuatu musim perayaan tersebut. Kawalan harga secara ini dikenali sebagai Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP). Prosedur mewartakan barang harga terkawal dalam skim ini masih mengikut peruntukan seksyen 4 dan 13, Akta Kawalan Harga 1946.

Secara keseluruhannya walau pun negara kita memiliki Akta Kawalan Harga 1946 yang diberi mandat untuk mengawal harga tetapi hanya sedikit sahaja barang perlu yang kita kawal secara undang-undang. Pada masa kini, Kementerian tidak bercadang untuk mengawal harga bahan-bahan digital dalam/melalui media elektronik dalam Akta Kawalan Harga, 1946. Adalah lebih wajar harga bahan-bahan tersebut ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN

Nti: S^P)

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
NO. SOALAN**

**LISA
N
Y.B. TUAN LIM KIT
SIANG 17.03.2010**

TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta MENTERI PERDAGANGAN ⁵⁹ ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan respon rasmi Kerajaan terhadap Laporan PERC (Political and Economic Risk Consultancy) yang berpendapat bahawa iklim melabur di Malaysia semakin tidak stabil, serta tindakan yang diambil untuk mengawal persepsi sedemikain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia mengikuti laporan-laporan yang dibuat oleh media asing dan juga badan-badan penyelidikan ekonomi dan politik antarabangsa terhadap perkembangan yang berlaku di dalam negara. Kerajaan sedar bahawa terdapat di antara laporan-laporan tersebut yang kurang tepat, tidak objektif malah tidak adil kerana mengandungi maklumat yang tidak

mencerminkan sepenuhnya situasi sebenar.

Bagi memberi pelabur asing fakta-fakta yang benar dan terkini berkaitan dengan perkembangan semasa di Malaysia, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selalu mengadakan sesi pertemuan dengan pihak media asing dan komuniti perniagaan antarabangsa sama ada di Malaysia, begitu juga semasa misi-misi galakan perdagangan dan pelaburan ke luar negeri untuk memberikan penjelasan berkaitan isu-isu semasa Malaysia.

Di samping itu, kegiatan *outreach* Kerajaan juga diperluaskan ke luar negeri menerusi rangkaian kedutaan-kedutaan di luar negeri dan juga oleh pegawai-pegawai perdagangan dan pelaburandi luar negara. Usaha penyebaran maklumat ini juga dilakukan dengan kerjasama pertubuhan perniagaan Malaysia yang terdapat di negara- negara berkenaan.

Kerajaan akan berusaha sepenuhnya bagi memastikan bahawa dasar dan iklim perniagaan dalam negara akan sentiasa kondusif kepada semua para pelabur dan

peniaga, sama ada tempatan mahupun asing. Di samping itu,

Kerajaan juga berusaha untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani impak krisis ekonomi global dan memperbaiki iklim pelaburan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bagi mengurangkan kesan krisis ini ke atas ekonomi negara, Kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM67 bilion. Pakej rangsangan ini telah berjaya mengurangkan impak sepenuhnya krisis ini dan membolehkan Malaysia keluar dari kemelesetan ekonomi pada penghujung tahun lalu, di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku tahun keempat 2009.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang ditubuhkan pada Februari 2007 telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan yang berterusan dalam sistem, prosedur dan proses penyampaian Kerajaan. Ini termasuklah mengurangkan masa untuk

memulakan perniagaan dan pendaftaran harta serta memperkenalkan satu nombor rujukan tunggal yang dipanggil MyCoID, iaitu nombor pengenalan bagi entiti perniagaan yang digunakan apabila berurusan dengan agensi kerajaan. Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) serta Pusat Setempat (OSC) juga telah dibangunkan untuk memudahkan pendaftaran perniagaan.

PEMUDAH akan menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja sebelum akhir April 2010 yang memberi fokus kepada isu-isu berkaitan perolehan kerajaan, perundangan buruh, penamatan perniagaan, pelesenan dan fasilitasi perniagaan. Isu penyampaian perkhidmatan dalam bidang kehakiman juga sedang dikaji semula oleh PEMUDAH. Di bawah pembaharuan ini, mahkamah komersial yang baru perlu menyelesaikan kes berkaitan perdagangan, kecuali yang melibatkan harta intelek dan muamalat, dalam tempoh 270 hari berbanding dengan purata tempoh kerja sekarang selama 585 hari.

Di samping itu, Program Transformasi Kerajaan yang

menekankan kepada pencapaian enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRAs) telah diperkenalkan untuk memperluas dan mempercepatkan lagi proses penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. NKRA-NKRA tersebut memberi manfaat kepada komuniti perniagaan dengan wujudnya persekitaran perniagaan yang lebih baik, khususnya melalui pengurangan kadar jenayah dan penurunan dalam angka penyalahgunaan kuasa dan rasuah serta peningkatan dalam kuasa beli isi rumah berpendapatan rendah. Semua usaha-usaha ini adalah bagi memastikan Malaysia sentiasa kekal menarik kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Para pelabur masih mempunyai keyakinan ke atas Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan pilihan. Ini terbukti dari jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor pembuatan pada tiga tahun kebelakangan ini - iaitu sebanyak RM59.9 bilion pada tahun 2007, RM62.8 bilion pada tahun 2008 dan RM32.6 bilion pada tahun 2009 -

melebihi sasaran tahunan

5

RM27.5 bilion yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia sentiasa bersikap positif kepada semua teguran yang berasas sama ada dari dalam atau luar negeri.

Teguran- teguran ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai profit antarabangsa yang tinggi dan sentiasa berada di mata dunia. Ini merupakan suatu perkara yang membanggakan bagi Malaysia di peringkat antarabangsa.

NO SOALAN: & Co

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN LIM LIP ENG

TARIKH : 17 MAC 2010

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa masih tiada tangkapan atau tindakan mahkamah dibuat terhadap semua pihak termasuk peguam dan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian yang berlaku penipuan dan pemalsuan dokumen

dalam urusan pemindahan hak milik tanah kes mahkamah 9 tahun lalu yang melibatkan Adorna Properties Sdn. Bhd. melawan Boonsom Boonyanit.

JAWAPAN

DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak pernah menjalankan siasatan berhubung kes Adorna Properties Sdn. Bhd. melawan Boonsom Boonyanit yang dikatakan berlaku sembilan tahun yang lalu. Kes jenayah tersebut bukan dikendalikan di bawah kuasa Badan Pencegah Rasuah (BPR) (pada ketika itu) kerana BPR hanya menumpukan kepada kesalahan-kesalahan di Akta Pencegahan Rasuah 1997, sedangkan kesalahan yang tersebut adalah jelas di bawah Kanun Kesiksaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: \$1

PERTANYAAN PEMBERI TAHUAN DAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO

[KLANG]

TARIKH 17 MAC 2010

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan Persekutuan yang bekerja secara kontrak dalam 10 tahun yang lalu. Dan adakah kakitangan-kakitangan sektor awam yang dilantik secara kontrak menerima kemudahan serta faedah yang sedia dinikmati oleh kakitangan bertaraf tetap. Senaraikan jumlah pekerja kontrak mengikut Kementerian berkenaan.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRi ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2009, jumlah pegawai lantikan kontrak dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah seramai 33,827 orang. Jumlah ini melibatkan pelbagai skim perkhidmatan antaranya Pegawai Perubatan, Pensyarah Universiti, Jurutera, Pegawai Penyelidik, Pelukis Pelan, Arkitek, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma, Jururawat dan Pembantu Penerangan.

Pegawai lantikan secara kontrak layak menerima gaji, elaun dan kemudahan berdasarkan syarat-syarat kontrak yang telah dipersetujui. Pegawai kontrak layak menerima gaji, Imbuhan Tetap Khidmat Awam atau Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Perumahan sama seperti mana pegawai lantikan tetap. Mereka juga layak menerima elaun-elaun lain seperti Bantuan Sara Hidup, Elaun Menjalankan Tugas Rasmi dan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Sakit, Cuti Bersalin dan rawatan perubatan.

Agihan pegawai lantikan kontrak mengikut kementerian seperti berikut:-

(i) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah -15,028 orang;

(ii) Kementerian Pengajian Tinggi - 6,203 orang;

(iii) Jabatan Perdana Menteri - 4,848 orang;

(iv) Kementerian Penerangan, Komunikasi dan
Kebudayaan- 2,023 orang; dan

(v) Kementerian Kesihatan Malaysia -1,465 orang

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN ZULKIFLI BIN
NOORDIN
(KULIM BANDAR BARU)**

TARIKH : 17 MAC 2010

SOALAN

**Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta PERDANA
MENTERI menyatakan :**

- a) Berapakah jumlah terkini pendaftaran mualaf (saudara baru Islam)
di seluruh negara ; dan

NO. SOALAN: &IX-

- b) Apakah langkah susulan kerajaan bagi memastikan golongan ini terus terbela dan diperkasakan aqidah dan kefahaman mereka terhadap Islam.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B) , MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua ,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pendaftaran dan kemasukan Islam dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) berdasarkan kepada undang- undang dan peraturan yang dibentuk oleh negeri masing- masing. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari negeri- negeri, jumlah kemasukan Islam (mualaf) yang direkodkan daripada tahun 2000 - 2009 adalah seramai 76,663 orang. Pada tahun 2009, seramai 8,133 orang telah direkodkan memeluk agama Islam yang merangkumi pelbagai bangsa. Daripada jumlah tersebut, 4,232 orang adalah lelaki manakala selebihnya iaitu 3,901 orang adalah wanita.
- b) Kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap golongan mualaf atau saudara baru. Di samping menguruskan kemasukan dan pendaftaran pengislaman, JAIN juga bertanggungjawab dan berperanan memastikan kefahaman dan penghayatan terhadap agama Islam oleh golongan mualaf sentiasa diberikan perhatian yang secukupnya agar akidah dan pegangan Islam mereka sentiasa teguh dan kukuh.

Selain itu, Kerajaan melalui JAKIM/JAIN juga mengatur kursus ,

seminar, bengkel dan kelas-kelas pengajian secara berkala dan tidak berkala berkaitan Islam kepada golongan mualaf bagi mereka memperolehi maklumat serta ilmu agama yang secukupnya untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Pada masa yang sama, penjagaan kebajikan saudara baru dan mualaf tidak diabaikan. Antaranya majlis perjumpaan silaturrahim Saudara Baru seperti penganjuran Konvensyen Saudara Muslim, Majlis Ramah Mesra sempena Aidilfitri, Majlis Ihya' Ramadhan serta penyaluran bantuan kewangan dan rumah oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN**

**AW :
£>3**

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA PE
ANYAAN RT**

**LISA
N**

**TAN SRI DATO' SERI ONG KA
TING**

KAWASAN

**KULA
I**

TARIKH

**17.03.2010 (RAB
U)**

NO. SOALAN

63

SOALAN:

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [Kulai] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan dengan liberalisasi ASEAN melalui AFAS (*ASEAN Framework Agreement on Services*) menjelang 2015, setakat mana Malaysia bersedia untuk bersaing dalam bidang berkenaan dengan jiran kita.

JAWAPAN:

1. Liberalisasi sektor perkhidmatan di ASEAN telah dilaksanakan secara progresif mulai tahun 1995 melalui Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Bidang Perkhidmatan (*ASEAN Framework Agreement on Services-AFAS*). Sejak perjanjian AFAS ditandatangani oleh Menteri-

**menteri Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Ministers-AEM*)
pada 15 Disember 1995 di Bangkok, Thailand, Negara-negara**

Anggota ASEAN telah memuktamadkan tuiuh pakei liberalisasi bidang perkhidmatan. iaitu:

- (i) Pakej Pertama pada 15 Disember 1997 (tarikh Protokol Pelaksanaan Pakej berkenaan ditandatangani);
 - (ii) Pakej Kedua pada 16 Disember 1998;
 - (iii) Pakej Ketiga pada 31 Disember 2001;
 - (iv) Pakej Keempat pada 3 September 2004;
 - (v) Pakej Kelima pada 8 Disember 2006;
 - (vi) Pakej Keenam pada 19 November 2007; dan
 - (vii) Pakej Ketujuh pada 26 Februari 2009.
2. Bagi sektor-sektor keutamaan (pelancongan, telekomunikasi, perkhidmatan kesihatan dan pengangkutan udara) Malaysia dan Negara-negara ASEAN perlu membuka pasaran kepada had ekuiti 70 peratus pada tahun ini di bawah Pakej AFAS ke-8. Manakala, bagi sektor-sektor lain, Malaysia dan negara-negara ASEAN perlu membuka pasaran kepada tahap 70 peratus pada 2015.
3. Sehingga kini, Negara-negara Anggota ASEAN termasuk Malaysia telah membuat komitmen dalam sekurang-kurangnya 65 sub-sektor dibawah tuiuh pakei komitmen AFAS dari tahun 1995 hingga 2009.
4. Antara sub-sektor yang telah diliberalisasikan adalah merangkumi aktiviti-aktiviti perkhidmatan dalam bidang-bidang :

- Perkhidmatan profesional (seperti khidmat perundangan, kejuruteraan, arkitek dan perakaunan);
 - Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);
 - Telekomunikasi;
 - Penyelidikan dan pembangunan (R&D);
 - Pelancongan;
 - Pengangkutan;
 - Pembinaan;
 - Pendidikan;
 - Perkhidmatan pengedaran;
 - Rekreasi dan kebudayaan; dan
 - Penjagaan kesihatan
5. Malaysia membenarkan akses pasaran yang lebih luas bagi aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang dikenal pasti telah bersedia dan boleh bersainq dalam pasaran ASEAN yang lebih besar. Pembukaan pasaran iuga dilakukan agar pasaran tempatan dapat meraih manfaat ekonomi dan sosial dengan:
- peningkatan nilai pelaburan asing;
 - proses perpindahan teknologi tinggi; dan
 - kemasukan tenaga pakar dalam bidang-bidang pengkhususan tertentu.
- Kemasukan pembekal dan penedia perkhidmatan berkualiti dalam sektor-sektor seperti peniaqaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan dapat membantu meningkatkan kemudahan sosial berkualiti kepada rakyat

secara keseluruhannya.

6. Pembukaan akses pasaran dalam pelbagai bidang perkhidmatan oleh Negara-negara Anggota yang lain pula, masing-masing menyediakan peluang-peluang usaha sama. diversifikasi perniagaan dan pelaburan serta pasaran baru bagi pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan untuk ditembusi.

7. Di antara negara-negara anggota ASEAN, Malaysia adalah antara negara yang kompetitif dalam perdagangan perkhidmatan. Pada tahun 2007, Malaysia merupakan negara pengeksport perdagangan perkhidmatan kedua terbesar selepas Singapura, diikuti dengan Thailand di tempat ketiga. Pada masa yang sama komitmen membuka pasaran oleh Malaysia juga menunjukkan bahawa Malaysia menyediakan iklim yang kondusif dan terbuka bagi pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Sver Eksport Perkhidmatan Komersil Negara- negara Anggota ASEAN bagi tahun 2007 adalah seperti Lampiran I.

8. Sektor perkhidmatan Malaysia adalah kompetitif dan bersedia untuk bersaing dengan Negara-negara ASEAN lain. Malaysia akan dapat meraih manfaat peluang-peluang yang terbuka hasil langkah-langkah pembukaan pasaran Negara- negara Anggota ASEAN. Selain dari meningkatkan lagi nilai perdagangan perkhidmatan di antara Negara-negara Anggota, ia juga dapat mengukuhkan dava saing industri perkhidmatan tempatan. Sebagai sokongan

kepada proses liberalisasi ini, usaha-usaha outreach dan aktiviti-aktiviti bina upaya juga dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan keupayaan para pembekal dan penedia perkhidmatan tempatan untuk meraih peluang-peluang yang disediakan di peringkat ASEAN.

9. Usaha-usaha pembukaan pasaran perkhidmatan di peringkat ASEAN dan menggalakkan integrasi ekonomi intra- ASEAN ini merupakan satu persediaan bagi mewujudkan satu Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015.

SOALAN NO. **

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] 17 MAC 2010

TARIKH

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA MENTERI

menyatakan sama ada Kerajaan bersungguh-sungguh menambah peratusan kakitangan bukan Melayu dalam Perkhidmatan Awam. Apakah kedudukan pecahan kaum sekarang dalam perkhidmatan awam dan juga penglibatan mereka mengikut kategori jawatan.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan secara berterusan meningkatkan kesungguhan untuk menarik penyertaan lebih ramai calon bukan Bumiputera untuk menyertai Perkhidmatan Awam. Langkah ini selaras dengan komitmen kerajaan bagi menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini. Usaha tersebut direalisasikan oleh Pihak Berkuasa Melantik dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Jabatan Penyiaran dan institusi pengajian tinggi awam melalui program-program yang digariskan di bawah pelan tindakan bagi meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam Perkhidmatan Awam. Antaranya menyiarkan iklan secara *online* dan melalui media massa seperti akhbar-akhbar utama seperti akhbar *Sin Chew Daily*, *Tamil Nesan* dan *Borneo Post*, radio dan televisyen, mengadakan pameran kerjaya, taklimat dan kempen di lokasi-lokasi strategik. SPA juga telah menubuhkan jawatan kuasa kerja SPA bagi mengatasi masalah kekurangan penyertaan bukan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan dalam Perkhidmatan Awam dibuat berdasarkan kekosongan jawatan di gred lantikan. Bagi memastikan Perkhidmatan Awam sentiasa cekap dan berkesan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, Pihak Berkuasa Melantik hanya melantik calon yang mencapai merit dan berjaya dalam tapisan pengambilan termasuk temu duga di mana peluang dan pertimbangan diberikan secara adil dan saksama kepada semua calon tanpa mengira kaum.

Sehingga 31 Disember 2009, kedudukan pengisian bukan Melayu dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai **271,975 (21.8%)**. Daripada jumlah tersebut, pegawai bukan Melayu dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred JUSA dan ke atas) di kalangan kaum Cina adalah seramai **178 (10.1%)**, diikuti kaum India seramai **133 (7.5%)**. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) pula, **30,451 (10.8%)** adalah kaum Cina dan **14,468 (5.1%)** kaum India. Manakala bagi Kumpulan Sokongan (Gred 1 hingga 40), **42,259 (4.4%)** adalah kaum Cina dan **35,552 (3.7%)** kaum India.

Jumlah bukan Bumiputera dalam Perkhidmatan Awam masih boleh diperingkatkan sekiranya lebih ramai di kalangan mereka yang berkelayakan memohon kepada Pihak Berkuasa Melantik. Kerjasama

daripada semua pihak adalah diperlukan untuk memberikan kesedaran dan menanam minat calon bukan Bumiputera untuk menyertai Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK HAJAH NORAH BINTI

ABD RAHMAN (BN) (TANJONG MANIS)

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman (BN) (Tanjong Manis) minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan:-

- (a) Bilangan pemohon-pemohon dari Sarawak yang telah mendapat kelulusan untuk menerima bantuan kebajikan Projek eKASIH mulai Julai 2008 hingga 2010; dan
- (b) Bilangan pemohon-pemohon yang diluluskan tetapi masih belum menerima bantuan Projek eKASIH dari Julai 2008 hingga 2010 bagi negeri Sarawak.

JAWAPAN

SOALAN NO. 48

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Seramai 2,638 orang yang didaftarkan di bawah Sistem eKasih di Negeri Sarawak telah menerima bantuan kebajikan mulai bulan

Julai 2008 hingga Februari 2010. Jenis bantuan dan bilangan

penerima bantuan ini adalah seperti berikut:

SKIM BANTUAN	JUMLAH PENERIMA (Julai 2008 - Februari 2010)
Bantuan Am	585.
Bantuan Kanak-kanak	1,079
Bantuan Orang Tua	794
Elaun Pekerja Cacat	71
Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar	65
Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja	44
Jumlah	2638

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Semua permohonan bantuan yang diluluskan sejak bulan Julai 2008 hingga 2010 telah menerima bayaran masing-masing. Bayaran bantuan yang terakhir yang telah dibayar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada penerima-penerima bantuan ini ialah sehingga bulan Mac 2010.

SOALAN NO. 48
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DR LO' LO BINTI MOHAMAD GHAZALI
(TITIWANGSA)**

TARIKH 17 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA) minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan sebab mengapa pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat

Wilayah Persekutuan langsung tidak turun melawat dan membantu ibu

tunggal mangsa ragut di mana suaminya terbunu di Jalan Perkasa

Taman Maluri dalam Parlimen Titiwangsa. **JAWAPAN** Tuan Yang di-

Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin terhadap

keperluan dan kebajikan kumpulan sasarnya termasuk ibu tunggal.

Berhubung kes ibu tunggal mangsa ragut di mana suaminya terbunu di

Jalan Perkasa Taman Maluri, Pegawai Kebajikan dari Jabatan

Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah

membuat lawatan ke rumah mangsa. Hasil lawatan dan siasatan mendapati mangsa mempunyai pekerjaan dan pendapatan tetap di samping menerima wang pencen arwah suaminya. Oleh yang demikian, mangsa tidak layak untuk dipertimbangkan bantuan bulanan kerana pendapatan bulanan mangsa melebihi kadar pendapatan yang ditetapkan dalam syarat-syarat kelayakan bagi bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sungguhpun begitu JKM telah menyalurkan bantuan segera sebanyak RM300 kepada mangsa bagi meringankan beban mangsa yang baru kematian suami.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDABIN CHE NIK [SIK]

TARIKH : 17 MAC 2010

SOALAN

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kementerian ini akan dapat menyelesaikan kerja pengalihan paip air di Empangan Beris yang rosak kerana pembinaan empangan Beris tersebut yang tertangguh sejak 10 tahun lalu. Kelewatan projek amat menyusahkan penduduk kampung-kampung yang terlibat. Apakah masalah yang timbul menyebabkan projek ini tertangguh begitu lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya paip air yang terlibat tidak rosak tetapi hanya telah ditenggelami oleh takungan air selepas pembinaan Empangan Beris. Berikutan ini bekalan air melalui paip ini telah diberhentikan disebabkan masalah-masalah penyelenggaraan. Sebagai langkah sementara, bekalan air kepada

penduduk kampung yang terlibat telah dibekalkan melalui sistem paip yang lain oleh pihak Jabatan Bekalan Air (JBA). Walaubagaimanapun, bekalan air ini tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan penduduk kampung yang terlibat.

Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melantik juruperunding untuk melaksanakan kerja rekabentuk penjajaran semula paip bekalan air yang baru bagi menggantikan paip bekalan air lama. Buat masa sekarang kerja-kerja rekabentuk ini telahpun siap. Kedudukan terkini ialah projek ini sedang dalam proses tender supaya kerja-kerja pembinaan dapat dilaksanakan pada tahun 2011 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Di samping itu, JPS juga perlu membuat pengambilan balik tanah kerana masalah kekurangan rizab jalan sedia ada bagi menempatkan loji rumah pam baru seperti yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN	
DARIPADA	TUAN SAIFUDDIN NASUTIONBIN ISMAIL
	[MACHANG]
TARIKH	17 MAC 2010
SOALAN	

NO. SOALAN: 69

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan klinik 1 Malaysia yang telah beroperasi dan lokasinya, bilangan pembantu perubatan dan jururawat yang terlibat dan jumlah perbelanjaan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat sebanyak 50 buah Klinik 1 Malaysia yang telah pun memulakan operasi bermula Januari 2010 dan lokasinya disasarkan di kawasan bandar-bandar yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi. Buat masa ini terdapat 74 orang Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dan 77 orang Jururawat yang bertugas di Klinik 1 Malaysia. Jumlah perbelanjaan bagi tujuan operasi Klinik 1 Malaysia adalah sebanyak RM 10 juta bagi tahun 2010.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' ZAHRAIN (BAYAN BARU) BIN MOHAMED HASHIM

TARIKH 17 MAC 2010

SOALAN

NO. SOALAN: 69

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sumbangan atau peruntukan yang akan diberikan kepada Maahad Tahfiz yang terdapat di seluruh negara.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa semua Maahad Tahfiz adalah dibawah pentadbiran dan kawalan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan telah memperuntukan bantuan Kewangan kepada Sekolah Agama rakyat (SAR) termasuk Maahad Tahfiz melalui program sekolah agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Program SABK ini bertujuan bagi memudahkan kerajaan menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur, prasarana, kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P), guru terlatih, pengurusan dan pentadbiran yang berkualiti. Melalui program ini juga kebijakan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut tidak terabai dan ketinggalan dalam arus pendidikan perdana.

Selain itu Kerajaan melalui JAKIM telah menyelaraskan enakmen pengawalan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri, bagi mengelakkan berlaku pertumbuhan sekolah-sekolah agama/tahfiz secara berleluasa yang dibimbangi akan dipengaruhi oleh unsur- unsur yang bertentangan dengan akidah Islam. Dalam masa yang sama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) sentiasa melakukan pengawalan dan pemantauan terhadap sistem pengajian di sekolah/Maahad tersebut agar tidak bercanggah dengan enakmen pengawalan sekolah-sekolah agama negeri dan rakyat bagi

negeri berkenaan.

Dimaklum juga, bahawa Darul Quran yang ditubuhkan diperingkat Persekutuan, adalah dikawal selia oleh JAKIM. Sebanyak RM4,800.000.00 (secara purata) telah diperuntukkan setiap tahun dengan menggunakan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai program pengajian tafsir Darul Quran, JAKIM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN GWO-BURNE LOH

TARIKH 17 MAC 2010

**DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

SOALAN [70] YB TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
pendirian Kerajaan mengenai krisis yang berlaku

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, perkembangan politik yang berlaku di Iran merupakan masalah politik dalaman di antara parti pemerintah di bawah pimpinan Presiden Mahmoud Ahmedinejad dengan calon-calon pembangkang yang tidak puas hati setelah kalah di dalam pilihan raya Presiden yang telah berlangsung di Iran pada 12 Jun 2009.
3. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa perkembangan politik yang berlaku di Iran adalah merupakan masalah politik dalaman dan Malaysia tidak wajar campur tangan dengan memihak kepada mana-mana pihak yang terlibat di dalam isu tersebut. Malaysia juga yakin dan percaya kepimpinan Kerajaan Iran akan dapat menangani masalah perselisihan faham politik di antara mereka dengan baik demi menjamin kestabilan dan keamanan negara tersebut berkekalan.
4. Kementerian Luar Negeri akan terus memantau perkembangan politik di Iran terutamanya bagi memastikan keselamatan rakyat Malaysia yang bekerja dan menetap di Iran terpelihara serta kepentingan Malaysia di Iran terjamin.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]

TARIKH : 17 MAC 2010

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan perubatan di hospital dan klinik Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mengalami kekurangan tenaga kerja kesihatan di fasiliti-fasiliti KKM terutamanya Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian.

Sebagai makluman, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan tenaga kerja kesihatan terutama bagi skim perkhidmatan Pegawai Perubatan. Sejak tahun 2006, terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan Pegawai Perubatan yang berkhidmat di KKM. Pada tahun 2006, jumlah Pegawai Perubatan adalah seramai 10,659 orang dan pada tahun 2009, seramai 17,292 orang Pegawai Perubatan yang mengisi jawatan di KKM dengan peningkatan sebanyak 62%.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil inisiatif-inisiatif yang bertujuan untuk menarik dan mengekal tenaga kerja kesihatan terutama bagi skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di KKM. Antara langkah- langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

A. Penambahaikan peluang kemajuan kerjaya

- (i) Menambahbaik laluan kerjaya Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di KKM bagi mempercepatkan tempoh kenaikan pangkat pegawai-pegawai terlibat;

- (ii) Kerajaan telah menambah bilangan tempat untuk Pegawai Perubatan melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana/ Kepakaran/ Sub- Kepakaran daripada 400 tempat kepada 600 tempat bermula tahun 2008;
- B. Memperkenalkan insentif baru dan menambahbaik insentif sedia ada kepada tenaga kerja kesihatan di KKM.
- (i) Kenaikan Kadar Elaun Pakar Klinikal, Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam dan Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital Bagi Pengarah/ Penguasa Hospital pada tahun 2009;
 - (ii) Pemanjangan Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK), Elaun Balik Kampung, dan Bayaran Insentif Merawat Pesakit Jiwa, Tibi dan Kusta kepada Jururawat Masyarakat;
- C. Menggunakan khidmat kepakaran Pegawai Perubatan Warganegara yang telah bersara wajib dengan syarat mereka mempunyai prestasi yang cemerlang dan sihat tubuh badan;
- D. Melaksanakan pengambilan Pegawai Perubatan bukan warganegara secara kontrak;
- E. Menggunakan khidmat kepakaran Pegawai Perubatan daripada sektor swasta melalui pelaksanaan perkhidmatan secara *sessional*';
- F. Pelaksanaan Perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (*Locum*) sebagai galakan kepada Pegawai Perubatan KKM dan menarik minat Pegawai Perubatan Swasta untuk menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa di Jabatan Kecemasan dan Klinik Kesihatan KKM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

(REMBAU)

TARIKH

17.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan perbezaan dan kesinambungan di antara Sekolah Prestasi Tinggi dan Sekolah Kluster

Soalan No : <72\$

dan langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi menghasilkan dan menjana Sekolah Prestasi Tinggi di kalangan sekolah- sekolah luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perbezaan antara Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dengan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ialah SKK merupakan sekolah yang cemerlang dalam kelompok, mempunyai kebitaraan yang menyerlah dan dipilih dengan mengambil kira kelompok, jenis, dan lokasi sekolah. Manakala SBT pula merupakan sekolah yang cemerlang dari segala aspek seperti akademik, kurikulum, pengurusan, perhubungan dengan komuniti, membentuk jaringan antara sekolah dan jalinan antara agensi (seperti Institusi Pengajian Tinggi) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SBT merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama. Kementerian

Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan SBT sebagai satu penanda aras yang menjadi pengukur bagi sekolah-sekolah lain termasuk meletakkan kejayaan sekolah-sekolah tersebut di persada antarabangsa. Langkah ini dapat memastikan semua sekolah berusaha mencapai penanda aras yang tinggi tersebut, selari dengan matlamat Program Transformasi Kerajaan, iaitu *BIG RESULTS FAST*. Sehubungan dengan itu mana-mana sekolah samada SKK atau sekolah harian biasa berpeluang untuk mencapai status SBT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sekolah - sekolah yang belum mencapai tahap SBT, KPM akan memperkenalkan *School Improvement Programme (SIP)*. *School Improvement Program* ini merangkumi *School Improvement Toolkit* bagi menilai kemajuan sekolah dan *School Improvement Plan* bagi membantu sekolah mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang terdapat di sekolah.

Rjm 12

NO -

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang]

TARIKH : 17 Mac 2010 (Rabu)

SOALAN : 73

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI

PENGANGKUTAN menyatakan bilakah tambang kapal terbang dari Limbang ke Miri sebanyak RM50 untuk pesakit dan pengiring akan dimulakan seperti yang telah diumumkan Menteri pada Persidangan yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Tambang kapal terbang dari Limbang ke Miri sebanyak RM50 sehala bagi setiap seorang pesakit dan seorang pengiring akan dilaksanakan bermula 8 Mac 2010.

